

**KEMASUKAN BURUH THAILAND KE NEGERI-NEGERI
UTARA SEMENANJUNG: PROFIL DAN
IMPLIKASI EKONOMI**

**FUAD MOHAMED BERAWI
ASAN ALI GOLAM HASSAN
LIM HOCK EAM
NOREHAN ABDULLAH
HUSSIN ABDULLAH
SELAMAH MAAMOR**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2011**

**LAPORAN PENYELIDIKAN
(GERAN UNIVERSITI)**

**KEMASUKAN BURUH THAILAND KE NEGERI-
NEGERI UTARA SEMENANJUNG: PROFIL DAN
IMPLIKASI EKONOMI**

**FUAD MOHAMED BERAWI
ASAN ALI GOLAM HASSAN
LIM HOCK EAM
NOREHAN ABDULLAH
HUSSIN ABDULLAH
SELAMAH MAAMOR**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2011**

PENGAKUAN

Kami dengan ini mengaku bertanggungjawab di atas ketepatan semua pandangan, komen teknikal, laporan fakta, data, rajah, dan gambar yang dikemukakan di dalam laporan ini. Kami bertanggungjawab sepenuhnya bahawa bahan yang diserahkan ini telah disemak dari aspek hak cipta dan hak keempunyaan. Universiti Utara Malaysia tidak dipertanggungjawabkan terhadap ketepatan mana-mana pandangan, komen teknikal, laporan fakta, data, rajah, gambar, serta terhadap tuntutan hak cipta dan juga hak keempunyaan.

Ketua penyelidik:

FUAD MOHAMED BERAWI

Ahli-ahli:

ASAN ALI GOLAM HASSAN

LIM HOCK EAM

NOREHAN ABDULLAH

HUSSIN ABDULLAH

SELAMAH MAAMOR

PERHARGAAN

***Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat
Dan Salam Ke Atas Junjungan Besar Kita Nabi Muhammad SAW***

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat juga kami menyiapkan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) yang membiayai penyelidikan ini.

Juga penghargaan dan terima kasih kepada pihak pentadbiran Kolej Sastera dan Sains (CAS), Program Ekonomi khususnya dan RIMC atas segala bentuk urus selia yang diberikan dalam tempoh kami menjalankan penyelidikan ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan sebanyak terima kasih kepada para pembanci, serta responden yang telah memberikan kerjasama semasa kami menjalankan penyelidikan ini.

Akhir sekali kami ingin mengucapkan sebanyak terima kasih kepada semua rakan akademik yang tidak jemu memberikan sokongan moral, nasihat, tunjuk ajar dan segala bentuk bantuan dalam usaha kami menyediakan penyelidikan ini. Juga kepada seluruh ahli keluarga kami yang begitu memahami kesibukan kami dalam tempoh penyelidikan ini. Seterusnya kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyelidikan ini. Semoga Allah merahmati dan melindungi kita semua.

Peod, Asan, Lim, An, Cent, Sal

KEMASUKAN BURUH THAILAND KE NEGERI-NEGERI UTARA SEMENANJUNG: PROFIL DAN IMPLIKASI EKONOMI

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji faktor kemasukan buruh asing Thailand yang bekerja di negeri utara semenanjung Malaysia dengan mengenal pasti profil demografi buruh terlibat, menganalisis pekerjaan, pendapatan, majikan, faktor tolakan dan tarikan migrasi, serta dokumen kemasukan. Kebanyakan responden adalah perempuan Islam berusia 30 tahun yang boleh berbahasa Melayu, menamatkan persekolahan menengah, dan telah berkahwin dengan pasangan dari Thailand. Kemasukan ke Malaysia menunjukkan trend yang meningkat dari setahun ke setahun dengan kemasukan tertinggi pada awal tahun dari daerah yang bersempadan dengan Malaysia. Walaupun berpendapatan sekitar RM745.05 dan jumlah jam kerja sekitar 10 jam sehari tetapi ia lebih tinggi daripada pendapatan di tempat asal (RM543.37). Ditambah dengan kemudahan makanan dan tempat tinggal, mereka mampu menghantar pulang ke kampung RM335.89. Dapatan kajian menunjukkan faktor utama penghijrahan adalah desakan ekonomi sama ada tiada pekerjaan (49 peratus) atau kemiskinan (41 peratus). Kemudahan keluar masuk ke Malaysia walaupun tanpa dokumen sah serta aliran keluar mata wang negara perlu dipantau bagi mengelak kesan jangka panjang yang berterusan.

KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix

BAB 1

PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Profil Bukan Warganegara	3
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Kepentingan Kajian	11
1.6	Skop Dan Batasan Kajian	12
1.7	Organisasi Laporan	13

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Konsep, Teori, Dan Model Migrasi	15
2.3	Kajian Empirikal	20
2.4	Kesimpulan	28

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	30
3.2	Reka Bentuk Kajian	31

3.2.1	Responden Kajian	32
3.2.2	Prosedur Pengumpulan Data	33
3.3	Instrumen Kajian	33
3.3.1	Pecahan Kepada Bahagian-bahagian Soal Selidik	33
3.4	Analisis Data	35
3.5	Kesimpulan	37

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	38
4.2	Profil Demografi Buruh Thailand	39
4.3	Maklumat Pekerjaan Buruh Thailand	47
4.4	Faktor Dan Kaedah Kemasukan Buruh Thailand	54
4.5	Analisis Faktor Kemasukan Buruh Thailand	59
4.6	Analisis Kemasukan Buruh Thailand Tanpa Dokumen	66
4.7	Kesimpulan	72

BAB 5

RUMUSAN DAN IMPLIKASI DASAR

5.1	Pengenalan	73
5.2	Rumusan Kajian	75
5.3	Implikasi Dasar	77
5.4	Kesimpulan	80

RUJUKAN	81
----------------	----

LAMPIRAN

Lampiran 1: Soal Selidik	87
--------------------------	----

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Penduduk Malaysia Mengikut Etnik Dan Negeri 2008 (Peratus)	4
Jadual 1.2:	Perangkaan Utama Penduduk Bukan Warganegara Malaysia (‘000 orang)	5
Jadual 1.3:	Penduduk Bukan Warganegara Malaysia Yang Bekerja Mengikut Negara Asal (Peratus)	5
Jadual 3.1:	Bahagian-bahagian Soal Selidik	36
Jadual 4.1:	Profil Demografi II	43
Jadual 4.2:	Kemahiran Berbahasa (Peratus)	44
Jadual 4.3:	Tempat Asal Buruh Thailand (Peratus)	46
Jadual 4.4:	Purata Pendapatan, Perbelanjaan, Dan Bilangan Jam Bekerja	48
Jadual 4.5:	Taraf Kerakyatan Dan Aktiviti Utama Majikan Di Malaysia Dan Thailand (Peratus)	51
Jadual 4.6:	Pekerjaan Utama Di Malaysia Dan Thailand (Peratus)	53
Jadual 4.7:	Urusan Masuk Ke Malaysia	59
Jadual 4.8:	Purata Pendapatan, Perbelanjaan, Dan Bilangan Jam Bekerja Mengikut Sektor Pekerjaan	60
Jadual 4.9:	Kemudahan Disediakan Majikan Mengikut Sektor Pekerjaan (Peratus)	60
Jadual 4.10:	Faktor Tolakan Dari Thailand Ke Malaysia Mengikut Sektor Pekerjaan (Peratus)	61
Jadual 4.11:	Faktor Tarikan Dari Thailand Ke Malaysia Mengikut Sektor Pekerjaan (Peratus)	62
Jadual 4.12:	Cara Mendapat Kerja Di Malaysia Mengikut Dokumen Kemasukan (Peratus)	63
Jadual 4.13:	Urusan Masuk Ke Malaysia Mengikut Dokumen Kemasukan	64
Jadual 4.14:	Urusan Masuk Ke Malaysia: Kos Dan Tempoh Mengikut Dokumen Kemasukan	65
Jadual 4.15:	Profil Responden Tiada Dokumen I (Peratus)	67
Jadual 4.16:	Kemahiran Bahasa Bagi Responden Tiada Dokumen (Peratus)	68

Jadual 4.17:	Bulan Kemasukan Buruh Thailand Ke Malaysia Tanpa Dokumen (Peratus)	69
Jadual 4.18:	Tahun Kemasukan Buruh Thailand Ke Malaysia Tanpa Dokumen (Peratus)	70
Jadual 4.19:	Ciri-ciri Pekerjaan Buruh Thailand Tanpa Dokumen (Peratus)	71

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1:	Taburan Penduduk Bekerja Mengikut Enam Industri Utama Malaysia 2007 (Peratus)	6
Rajah 1.2:	Taburan Penduduk Bekerja Mengikut Lima Pekerjaan Utama Malaysia 2007 (Peratus)	7
Rajah 4.1:	Jantina (Peratus)	40
Rajah 4.2:	Agama (Peratus)	41
Rajah 4.3:	Status Perkahwinan (Peratus)	41
Rajah 4.4:	Kerakyatan Pasangan Buruh Thailand (Peratus)	42
Rajah 4.5:	Kemasukan Ke Malaysia Mengikut Bulan (Peratus)	44
Rajah 4.6:	Kemasukan Ke Malaysia Mengikut Tahun (Peratus)	45
Rajah 4.7:	Kemudahan Disediakan Oleh Majikan (Peratus)	49
Rajah 4.8:	Faktor Tolakan Dari Thailand Ke Malaysia (Peratus)	55
Rajah 4.9:	Faktor Tarikan Dari Thailand Ke Malaysia (Peratus)	56
Rajah 4.10:	Cara Mendapat Kerja Di Malaysia (Peratus)	57
Rajah 4.11:	Dokumen Masuk Ke Malaysia (Peratus)	58

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Buruh asing bukanlah fenomena baru dalam era globalisasi kini malah telah berlanjutan sejak sekian lama termasuk negara Malaysia terutama pada zaman penjajahan British apabila keperluan buruh di sektor perlombongan bijih timah dan perladangan getah meruncing. Kebanjiran buruh asing dalam era moden ke Malaysia pula bermula sejak tahun 1980-an dengan jumlah peningkatan yang signifikan pada tahun 1990-an (McCall, 1991; Hugo, 1993) terutama apabila Malaysia beranjak daripada sektor pertanian kepada perindustrian dan perkhidmatan. Sekitar akhir 1980-an khususnya bagi tempoh tahun 1990-1995 struktur ekonomi Malaysia yang beranjak kepada berasaskan perindustrian dengan pertumbuhan pesat sekitar 8.4 peratus setahun, lebih tinggi daripada sasaran tujuh peratus dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (1991-2000).

Guna tenaga dalam sektor perindustrian meningkat dengan mendadak daripada 542,817 orang pada tahun 1980 kepada 2.6 juta pada tahun 2000,

manakala sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) oleh sektor perindustrian meningkat daripada RM5.4 bilion pada tahun 1980 kepada RM58.0 bilion pada tahun 2000 (Asan Ali Golam Hassan, 2009a; Malaysia, 1996; 2001). Pada masa yang sama sektor pertanian menjadi semakin kurang menarik minat pekerja tempatan dengan sebahagian besar mereka beralih kepada sektor perindustrian dan perkhidmatan.

Walaupun guna tenaga sektor ini meningkat sebanyak 3.4 peratus tetapi bahagian buruh tempatan yang hanya meningkat sekitar 2.9 peratus telah mewujudkan lompang dalam penawaran buruh. Lompang ini kemudiannya telah membuka ruang kepada kemasukan buruh asing apabila kerajaan membenarkan kemasukan mereka secara besar-besaran bagi mengimbangi kerancangan pembangunan ketika itu. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1995-2000) menyaksikan penduduk Malaysia meningkat pada kadar 2.3 peratus setahun manakala penduduk asing (bukan warganegara) meningkat pada kadar 4.3 peratus setahun (Malaysia, 2001).

Ekonomi Malaysia mencapai guna tenaga penuh pada tahun 2005, dengan kadar pengangguran 3.5 peratus. Kekurangan tenaga buruh terutama golongan pekerja kurang mahir juga menggalakkan peningkatan kemasukan buruh asing (yang mempunyai permit kerja) dengan jumlah sekitar 1.7 juta orang (Malaysia, 2006). Walaupun dasar pembangunan negara dirancang ke arah k-ekonomi, namun bilangan buruh asing terus meningkat selaras dengan hala tuju memacu ekonomi berasaskan intensif teknologi dan nilai ditambah yang lebih tinggi

dengan pengambilan buruh asing akan dilaksanakan secara bijaksana. Bilangan buruh asing kemudian akan dikurangkan secara beransur-ansur bagi menyediakan peluang pekerjaan yang lebih besar kepada tenaga kerja tempatan dan mengurangkan pengaliran keluar tukaran asing serta kos pentadbiran (Malaysia, 2006).

1.2 PROFIL BUKAN WARGANEGARA

Statistik tahun 2008 menunjukkan penduduk Malaysia berjumlah melebihi 27.73 juta orang dengan Bumiputera meliputi 61.8 peratus, Cina 22.9, India dan lain-lain 8.1, manakala penduduk bukan warganegara berjumlah 7.1 peratus (Jadual 1.1). Peratusan penduduk bukan warganegara paling tinggi ialah di Sabah dengan 25 bagi setiap 100 orang warganegara. Walau bagaimanapun perbandingan dari segi agihan tenaga buruh mengikut kaum menunjukkan peratus tenaga buruh bukan warganegara lebih tinggi berbanding buruh kaum India dan lain-lain.

Pada tahun 2007, daripada 10.89 juta orang tenaga buruh di Malaysia, Bumiputera merangkumi 57.3 peratus, Cina 24.8 peratus, India dan lain-lain 8.2 peratus manakala tenaga buruh bukan warganegara berjumlah 9.7 peratus (Malaysia, 2007). Bilangan penduduk bukan warganegara (dalam umur bekerja) meningkat mendadak daripada 215,200 orang pada tahun 1982 kepada lebih 1.24 juta orang pada tahun 2005 manakala tenaga buruh bukan warganegara terus meningkat dari 138,500 kepada 1.03 juta dalam tempoh yang sama (Malaysia,

2007). Bagi tempoh 20 tahun iaitu antara tahun 1985-2005 bilangan tenaga buruh penduduk bukan warganegara telah meningkat sebanyak 367 peratus (Jadual 1.2).

Jadual 1.1: Penduduk Malaysia Mengikut Etnik Dan Negeri 2008 (Peratus)

	Warganegara	Bumiputera	Cina	India & lain-lain	Bukan Warganegara
Malaysia	92.9	61.8	22.9	8.1	7.1
Johor	93.2	54.3	31.7	7.2	6.8
Kedah	97.4	75.6	13.5	8.4	2.6
Kelantan	97.9	93.3	3.3	1.2	2.1
Melaka	95.4	62.9	25.9	6.6	4.6
N. Sembilan	95.8	57.1	23.2	15.5	4.2
Pahang	94.8	73.9	15.6	5.3	5.2
Perak	97.2	55.4	29.2	12.6	2.8
Perlis	98.1	84.4	9.4	4.1	1.9
P. Pinang	93.6	41.7	41.7	10.2	6.4
Sabah	74.7	60.4	9.5	4.8	25.3
Sarawak	96.2	70.4	25.4	0.4	3.8
Selangor	94.3	52.9	27.3	14.2	5.7
Terengganu	97.6	94.7	2.4	0.5	2.4
WP KL	92.2	41.8	39.1	11.4	7.8
WP Labuan	77.3	61.4	12.3	3.5	22.7

Sumber: Malaysia, 2008

Daripada bilangan seramai 1.2 juta pada tahun 2005, 1.02 daripadanya adalah bekerja (guna tenaga), 14,200 menganggur, manakala 201,700 di luar tenaga buruh. Dalam tempoh yang sama, tren kadar pengangguran buruh asing semakin berkurangan dan kadar penyertaan tenaga buruh yang semakin meningkat (Jadual 1.2).

**Jadual 1.2: Perangkaan Utama Penduduk Bukan Warganegara Malaysia
(‘000 orang)**

Tahun	Bilangan umur bekerja	Tenaga buruh	Bekerja	Menganggur	Luar tenaga buruh	Kadar penyertaan tenaga buruh (peratus) ^a	Kadar pengangguran (peratus) ^b
1985	303.8	220.6	212.0	8.7	83.2	72.6	3.9
1990	346.3	249.1	241.9	7.2	97.1	71.9	2.9
1995	633.6	488.9	479.3	9.6	144.7	77.2	2.0
2000	1,158.9	945.2	931.3	13.9	213.7	81.6	1.5
2005	1,240.2	1,029.6	1,015.3	14.2	210.7	83.0	1.4

Sumber: Malaysia 2007

^a Kadar penyertaan tenaga buruh = tenaga buruh/bilangan

^b Kadar pengangguran = menganggur/tenaga buruh


**Jadual 1.3: Penduduk Bukan Warganegara Malaysia Yang Bekerja
Mengikut Negara Asal (peratus)**

Tahun	Jumlah ('000 orang)	Singapura	Indonesia	Filipina	Thailand	Bangladesh	Asean lain	Lain-lain	Tiada negara
1985	212.0	1.1	48.0	20.6	4.9	0.0	0.0	9.7	15.7
1990	241.9	1.7	52.3	16.9	5.0	0.0	0.0	8.6	15.4
1995	479.3	1.0	58.3	20.6	2.0	0.0	0.0	16.0	2.0
2000	931.3	1.2	70.9	9.4	1.8	0.0	0.0	15.0	1.6
2005	1,015.3	1.3	67.4	9.9	2.5	3.2	2.9	11.0	1.7

Sumber: Malaysia, 2007

Dari segi negara asal, guna tenaga bukan warganegara yang paling ramai pada tahun 2005 adalah dari Indonesia dengan 67.4 peratus diikuti 9.9 peratus dari Filipina, 3.2 peratus Bangladesh manakala selebihnya dari lain-lain negara (Jadual 1.3). Walaupun peratus guna tenaga dari negara Indonesia jatuh kepada 67.4 daripada 70.9 berbanding dengan tahun 2000 tetapi dari segi peratus keseluruhan ia masih lagi tinggi berbanding negara lain. Peratusan guna tenaga dari negara Indonesia (dan Filipina) ini berkurangan sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan peratus guna tenaga dari Bangladesh dan Nepal selain dari negara-negara ASEAN yang lain seperti Vietnam dan Myanmar.

Tiga industri utama yang dimonopoli oleh buruh asing adalah industri pertanian (termasuk perhutanan dan perikanan) 33 peratus, industri pembinaan dan pembantu rumah masing-masing sekitar 14 peratus. Walau bagaimanapun, industri pembuatan merupakan industri yang kedua paling ramai iaitu 17 peratus, kurang hanya 2 peratus dari peratusan pekerja warganegara (Rajah 1.1). Peratusan pekerja tempatan masih melebihi buruh asing dalam industri pembuatan.




Sumber: Malaysia, 2007

Rajah 1.1: Taburan Penduduk Bekerja Mengikut Enam Industri Utama Malaysia 2007 (Peratus)

Dari segi pekerjaan pula, tiga jenis pekerjaan industri utama yang dimonopoli oleh penduduk bukan warganegara ialah (i) pekerja asas 31 peratus, (ii) pekerja mahir pertanian dan perikanan 28 peratus, dan (iii) operator loji dan mesin dan pemasang iaitu sebanyak 13 peratus. Manakala untuk jenis pekerjaan,

pekerja pertukangan dan yang berkaitan, 11 peratus iaitu peratusan yang sama dengan penduduk warganegara (Rajah 1.2).



Sumber: Malaysia, 2007

Rajah 1.2: Taburan Penduduk Bekerja di Lima Sektor Pekerjaan Utama Malaysia 2007 (Peratus)

Pergantungan terhadap buruh asing yang berlebihan boleh menimbulkan pelbagai masalah sosioekonomi seperti penyisihan pekerja tempatan selain penekanan kadar upah untuk menjadi lebih rendah. Selain itu ia turut menjejaskan imbalan pembayaran melalui aliran keluar mata wang Malaysia. Dari segi pengaliran keluar mata wang misalnya, sehingga Jun 2008 saja buruh asing telah membawa pulang sebanyak RM9 bilion ke negara asal mereka (Amirah Amaly Syafaat, 2008). Justeru itu kehadiran buruh asing ini perlu dipantau dan dikawal agar tidak menjadi lebih serius sehingga menjejaskan kepentingan pekerja tempatan dan mengganggu aliran keluar mata wang negara selain masalah sosioekonomi dan politik.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Pada dasarnya dari segi ekonomi, kemasukan buruh asing terutama golongan pekerja mahir adalah diperlukan untuk sesebuah negara mempercepatkan proses peralihan pergantungan ekonomi daripada sektor pertanian kepada sektor perindustrian dan perkhidmatan. Laporan *The Global Commission on International Migration 2003* sendiri misalnya menunjukkan bahawa migrasi antarabangsa berperanan positif dalam proses pembangunan manusia seterusnya membawa faedah kepada penduduk tanpa mengira negara miskin atau kaya (United Nation, 2005).

Sejajar dengan itu Malaysia mula mengimport tenaga kerja asing terutama dari negara jiran ASEAN yang terdiri daripada pekerja kurang mahir dan separuh mahir sejak awal 1970-an bagi menampung keperluan mendadak buruh. Sehingga 1990-an kemasukan tenaga buruh asing terus menyumbang tenaga terutama dalam bidang pembuatan, perladangan, pembantu rumah, pembinaan, dan perkhidmatan (seperti pekerja restoran dan juru pam di stesen petrol). Namun begitu kemasukan buruh asing ini dibayangi dengan jumlah kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang sama banyak.

Kemasukan buruh asing ke negara ini telah mencapai tahap yang membimbangkan serta di luar kawalan pihak berkuasa kerana mulai mengundang pelbagai implikasi negatif dalam keseluruhan sistem ekonomi, sosial, dan politik. Jumlah buruh asing yang berdaftar jika digabungkan dengan jumlah PATI sudah

melebihi jumlah penduduk kaum India yang merupakan kumpulan etnik ketiga terbesar di Malaysia (Berita Harian, 13 Ogos 2007).

Pengambilan buruh asing tanpa kawalan dan berterusan akan menimbulkan pelbagai masalah sosioekonomi dan politik yang lebih kompleks. Seterusnya masalah ini akan memberi kesan kepada pembentukan masyarakat majmuk pelbagai etnik atau masyarakat heterogenus seperti yang cuba dielakkan oleh negara Eropah Barat dan Negara Teluk (Weiner, M., 1990). Persoalan seterusnya adalah, apakah dasar kerajaan Malaysia yang tidak cukup ketat berkenaan pengambilan buruh asing telah menyebabkan kebanjiran seterusnya memberi kesan kepada sosioekonomi masyarakat setempat? Sejauhmanakah tenaga kerja asing masih diperlukan dalam ekonomi Malaysia? Adakah jumlah 2.06 juta orang buruh asing pada masa kini selaras dengan keperluan sebenar ekonomi negara?

Kajian Wan Rojiah Wan Mahmud (1995) berkenaan kedudukan Malaysia sebagai salah satu tempat yang menarik untuk mencari peluang pekerjaan di Asia Tenggara mendapati antara destinasi utama penghijrahan buruh asing ke negara ini adalah seperti berikut:

- i. buruh asing dari Filipina tertumpu ke Sabah dan Sarawak,
- ii. buruh asing dari Kalimantan, Indonesia tertumpu ke Sabah dan Sarawak,
- iii. buruh asing dari Sumatera dan pulau-pulau yang berdekatan tertumpu ke semenanjung Malaysia, dan

- iv. buruh asing dari Thailand destinasiya tertumpu ke negeri-negeri di utara semenanjung Malaysia.

Memandangkan negeri-negeri utara semenanjung Malaysia bersempadan dengan negara Thailand, peluang rakyat Thailand untuk memasuki negara ini lebih tinggi berbanding pdatang negara jiran yang lain. Sehubungan itu, kajian ini ingin mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kemasukan buruh asing, khususnya daripada Thailand untuk bekerja dalam pelbagai sektor ekonomi di negeri-negeri utara semenanjung Malaysia.

Selain mendapatkan maklumat profil demografi, kajian ini cuba menganalisis kesan faktor pekerjaan, pendapatan, majikan buruh asing, faktor tolakan dan tarikan masuk ke negara ini sama ada mempunyai dokumen atau tidak. Walaupun Malaysia memerlukan tenaga kerja asing (terutama kerana upah yang relatif murah selain kesanggupan bekerja lebih masa berbanding tenaga tempatan), pihak kerajaan masih terus berusaha ke arah mengurangkan bilangan buruh asing yang masuk ke negara ini.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor kemasukan buruh Thailand dan bekerja dalam pelbagai sektor ekonomi di negeri-negeri utara semenanjung Malaysia. Secara khusus kajian ini bertujuan untuk:

- i. mengenal pasti profil demografi buruh asing Thailand,

- ii. menganalisis aspek pendapatan, majikan buruh asing dan pekerjaan buruh asing Thailand.
- iii. menganalisis faktor tolakan dan tarikan migrasi yang terlibat, dan
- iv. mengenal pasti jenis kemasukan buruh Thailand dengan dokumen atau tanpa dokumen.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Walaupun kedatangan buruh asing dilihat sebagai penyelesaian kepada masalah kekurangan buruh bagi mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih cepat. Namun mereka juga boleh membantutkan usaha mengurangkan kemiskinan dan jurang pendapatan penduduk Malaysia sendiri seterusnya menghambat kemajuan dalam usaha mencapai matlamat pembangunan menyeluruh dan bersepadu. Ini kerana kedatangan mereka ke Malaysia tanpa kawalan menyebabkan banyak masalah sosial berlaku di samping itu peluang pekerjaan rakyat Malaysia juga semakin dipenuhi oleh pendatang asing lantaran mereka bersedia menerima upah rendah. Situasi ini semakin membimbangkan dan kemasukan buruh asing tanpa kawalan sebegini pasti akan menjejaskan perkembangan ekonomi negara.

Maka, kajian ini akan mengenal pasti profil demografi buruh asing dari Thailand, menganalisis faktor pekerjaan, pendapatan, dan majikan buruh asing. Selain itu kajian ini juga akan mengkaji faktor tolakan dan tarikan migrasi yang terlibat, seterusnya menganalisis jenis migrasi, kekerapan, dan destinasi. Kajian

ini dilihat sebagai penting untuk mengenal pasti implikasi migrasi buruh Thailand khususnya ke atas pertumbuhan ekonomi dan dasar pembangunan alternatif yang sesuai untuk negeri-negeri yang terlibat seperti Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu yang bersempadan dengan Thailand.

1.6 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini akan mengenal pasti profil buruh asing dari Thailand yang bekerja di daerah yang bersempadan dengan negeri Kedah dan Perlis yang terletak utara semenanjung Malaysia dengan menggunakan data keratan rentas. Reka bentuk pensampelan adalah pensampelan rawak mudah merangkumi semua jenis kawasan dan sektor ekonomi yang berada di kawasan sempadan bandar Bukit Kayu Hitam di negeri Kedah hingga ke Padang Besar di negeri Perlis.

Responden kajian terdiri daripada pekerja warganegara Thailand lelaki dan wanita yang bekerja secara tetap atau sementara, di sektor pembuatan, pertanian, penternakan, perladangan, pembantu rumah, pembinaan, dan perkhidmatan (seperti di restoran, kedai makan, atau kedai jualan runcit), dan masuk ke Malaysia secara sah atau tidak. Soal selidik dijalankan secara temu bual dengan responden. Kajian ini agak sukar dijalankan kerana terdapat sebilangan responden yang enggan memberi kerjasama kerana khuatir identiti mereka terdedah terutama golongan yang masuk tanpa dokumen.

1.7 ORGANISASI LAPORAN

Laporan kajian ini mengandungi lima bab. Bab 1 berkenaan pengenalan yang menghuraikan latar belakang kajian mengenai buruh asing, pernyataan masalah, objektif, kepentingan kajian, serta skop dan batasan kajian. Bab 2 adalah mengenai sorotan karya yang menghuraikan ulasan kajian-kajian lepas yang berkaitan migrasi buruh termasuk konsep, teori, model, dan kajian empirikal migrasi. Bab 3 pula ialah metodologi kajian yang merangkumi reka bentuk dan prosedur kajian, serta analisis dan kaedah membuat keputusan.

Seterusnya Bab 4 pula menjelaskan dapatan kajian yang menjawab objektif kajian mengenai profil demografi buruh asing, kaedah kemasukan serta faktor-faktor yang menyumbang kepada migrasi buruh Thailand ke negeri-negeri utara semenanjung Malaysia. Akhir sekali Bab 5 adalah kesimpulan, implikasi dasar, dan cadangan daripada hasil kajian ini.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Bab ini akan menyorot kembali kajian lepas berkaitan dengan migrasi yang pernah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Bahagian pertama bab ini akan meninjau konsep, teori, dan model migrasi. Seterusnya bahagian kedua adalah empirikal yang pernah dijalankan berkenaan isu dan insiden migrasi terutama faktor-faktor penarik dan penolak, serta kesan migrasi kepada negara destinasi dan negara asal.

Migrasi buruh Thailand ke negeri-negeri di utara semenanjung Malaysia dipercayai bukan saja didorong oleh faktor ekonomi seperti kemiskinan di negara asal atau peluang pekerjaan di tempat baru tetapi juga faktor sosial seperti hubungan kekeluargaan dan perkahwinan melalui sejarah kesultanan Kedah dengan Siam (nama lama Thailand). Pemahaman ini penting bagi mengetahui isu migrasi agar hasil kajian ini bukan sahaja dapat membantu menghurai isu migrasi di Malaysia tetapi juga menyumbang kepada ilmu ekonomi berkaitan migrasi.

2.2 KONSEP, TEORI DAN MODEL MIGRASI

Migrasi adalah suatu fenomena pembangunan global yang berlaku sekian lama atas pelbagai faktor sama ada ekonomi, sosial, atau politik. Ia berlaku di semua negara di dunia dan mampu mencorakkan demografi penduduk yang akhirnya membawa kepada perubahan sosioekonomi di kawasan yang menghantar dan menerima migran. Secara umum migrasi merupakan satu proses demografi yang melibatkan perpindahan penduduk dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Ia merupakan suatu proses pergerakan penduduk yang amat sensitif terhadap perkembangan sosioekonomi sesuatu kawasan (Usman dan Tarmiji, 2007).

Antara teori migrasi yang utama dalam kajian ekonomi pembangunan ialah Model Migrasi Ravenstein diperkenalkan oleh Ernest (Ravenstein, 1976). Menurut model ini terdapat satu hubungan yang songsang antara kadar migrasi dengan jarak, serta migrasi dilakukan secara berperingkat-peringkat. Selain itu apa juga rintangan yang diharungi sama ada undang-undang, cukai yang tinggi, atau cuaca yang tidak menarik, yang pasti semua migran yang berhijrah ingin meningkatkan kedudukan ekonomi mereka. Hal ini menjurus kepada tujuan utama migran berhijrah adalah bermotif ekonomi iaitu semakin tinggi kemahuan seseorang migran untuk memperbaiki status ekonomi, semakin cenderung keinginannya untuk berhijrah.

Model Lewis-Fei-Ranis (Model L-F-R) pula merupakan model migrasi hasil gabungan oleh Sir W. Arthur Lewis pada tahun 1954 yang seterusnya

dikembangkan oleh John Fei dan Gustav Ranis pada 1961. Model L-F-R ini membahagikan ekonomi kepada dua sektor iaitu sektor tradisional (atau sektor luar bandar) dan sektor moden (atau sektor bandar). Sektor tradisional mengkhusus dalam pengeluaran barang pertanian yang dikatakan mempunyai produktiviti yang rendah atau sifar kerana wujudnya tenaga buruh yang berlebihan. Sektor perindustrian pula mengeluarkan barang perindustrian yang dikatakan mempunyai produktiviti yang tinggi. Oleh kerana wujud kepesatan ekonomi di sektor perindustrian dan pada masa yang sama terdapat lebih buruh di luar bandar, maka migrasi akan berlaku dari luar bandar ke bandar (Todaro, 1976b).

Selanjutnya Todaro menambah, selagi terdapatnya perbezaan pendapatan jangkaan (bukannya pendapatan sebenar) di antara kawasan luar bandar dan bandar, selagi itulah migrasi akan terus berlaku. Pendapatan jangkaan ini pula bergantung kepada dua iaitu:

- i. perbezaan di antara pendapatan benar di luar bandar dan peluang pekerjaan di bandar, dan
- ii. kebarangkalian migran yang baru berhijrah mendapat pekerjaan di bandar (Todaro, 1997).

Larry A. Sjaastad pula dalam Model Migrasi Sjaastad meletakkan migrasi sebagai berperanan dalam mewujudkan peruntukan sumber yang cekap. Ia boleh dilakukan dengan menganggap migrasi sebagai satu pelaburan yang akan mempertingkatkan daya pengeluaran sumber manusia (Sjaasted, L.A., 1962).

Pelaburan migrasi tersebut sudah tentu melibatkan kos dan juga pulangan yang boleh dilihat dari aspek persendirian atau sosial (Todaro, 1976a).

Model Migrasi Todaro (juga dikenali dengan model Harris–Todaro) adalah model ekonomi yang digunakan dalam ekonomi pembangunan dan ekonomi kebajikan untuk menghuraikan isu berkaitan migrasi luar bandar ke bandar. Andaian utama model ini adalah keputusan untuk melakukan migrasi berasaskan kepada perbezaan jangkaan pendapatan antara kawasan bandar dan luar bandar yang memberi implikasi bahawa migrasi luar bandar–bandar adalah rasional secara ekonomi jika jangkaan pendapatan bandar melebihi jangkaan pendapatan di luar bandar (Todaro, 1997).

Model Migrasi Falaris yang dibentuk oleh Evangelos M. Falaris juga seiring dengan tiga model migrasi lain iaitu Model Lee yang membabitkan faktor penarik dan penolak (Falaris, 1979). Model Sjaastad yang juga dikenali sebagai Pendekatan Pelaburan Manusia, dan Teori Pendekatan Pemilihan (*selectivity*). Sjaastad menganggap migrasi sebagai suatu pelaburan sumber manusia iaitu migran harus membuat penilaian terhadap kos dan satu siri keuntungan yang bakal terlibat.

Teori Pendekatan Pemilihan pula menyatakan bahawa para migran adalah ahli masyarakat yang gigih berusaha dan akan bertindak balas terhadap ketidakseimbangan pasaran buruh dengan melakukan migrasi. Berasaskan teori-teori di atas, Falaris mencadangkan bahawa seseorang individu akan membuat

perbandingan utiliti maksimum yang diperolehinya di tempat dia sedang berada dengan pencapaian utiliti maksimum di tempat lain. Proses perbandingan ini dilakukan berulang kali sehingga dia menemui utiliti paling tinggi di destinasi yang akan dituju dan seterusnya akan berhijrah ke destinasi tersebut (Asan Ali Golam Hassan *et al.* 2003).

Dari sudut yang lain pula, kebanyakan migran melibatkan proses membuat keputusan secara bersama di antara suami dan isteri. Keputusan untuk berhijrah dalam sesebuah keluarga bukan dibuat untuk mendapat kedudukan lebih baik bagi individu tertentu dalam keluarga tetapi untuk memperbaiki kedudukan ekonomi keluarga (Sandell, 1977). Mobiliti migrasi adalah rendah bagi pasangan yang telah mempunyai anak berbanding mereka yang belum. Mobiliti juga rendah sekiranya isteri telah lama menyertai pasaran buruh dan mempunyai pekerjaan terjamin (Mincer, 1978).

Migrasi pulang iaitu migran dari bandar kembali ke tempat asal merupakan fenomena mobiliti buruh yang penting. Kajian migrasi di Amerika Syarikat oleh DaVanzo menunjukkan kebarangkalian migran kembali ke tempat asal dalam masa satu tahun ialah 13 peratus manakala kebarangkalian migran berhijrah semula ke tempat lain ialah 15 peratus (DaVanzo, 1983). Terdapat dua sebab kenapa berlakunya migrasi pulang iaitu, pertama, buruh akan berhijrah pulang ke tempat asal setelah mendapati keputusan terdahulu untuk berhijrah merupakan satu kesilapan. Keadaan ini berlaku apabila buruh mendapati jangkaan mereka tidak menjadi kenyataan misalnya kerana peluang pekerjaan di bandar sukar

diperolehi atau kos psikik meninggalkan keluarga dan persekitaran yang biasa begitu tinggi. Oleh itu bagi sesetengah migran, migrasi bukanlah merupakan satu bentuk pelaburan modal sumber manusia yang terbaik untuk mereka.

Sebab kedua yang mempengaruhi migrasi pulang ialah bagi sesetengah buruh khususnya yang muda dan masih bujang, migrasi merupakan tindakan yang disengajakan. Mereka berhijrah ke tempat lain bukanlah dengan hasrat untuk kekal di tempat tersebut tetapi akan kembali ke tempat asal setelah berjaya memenuhi matlamat tertentu seperti telah berjaya mengumpul kekayaan yang diinginkan untuk memperbaiki taraf hidup di luar bandar atau untuk berkahwin. Corak migrasi sebegini begitu ketara di sesetengah kawasan di Afrika iaitu kaum lelaki berhijrah ke tempat lain setelah menyiapkan tugas bercucuk tanam di ladang yang kemudiannya akan diuruskan oleh kaum wanita (Gillis, *et al.*, 1992).

Migrasi pulang ada kalanya digunakan sebagai batu loncatan untuk memaksimumkan nilai kini perolehan sepanjang hayat individu (Rosen, 1972; DaVanzo, & Morrison, 1981; DaVanzo, 1983). Migrasi sebegini begitu ketara bagi sesetengah pekerjaan seperti peguam atau pegawai perubatan. Pada permulaannya mereka akan kekal bekerja di bandar berkhidmat dengan sektor kerajaan sama ada untuk mendapatkan pengalaman, menjalin hubungan baik dengan pembuat dasar, atau kerana terpaksa menghabiskan tempoh kontrak pekerjaan setelah menerima pembiayaan pelaburan modal sumber manusia daripada kerajaan. Apabila tempoh kontrak tamat, mereka akan kembali ke tempat

asal atau berhijrah ke tempat lain untuk mendapatkan pulangan yang lebih tinggi dari kemahiran yang diperolehi.

Kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa dalam banyak kes, manusia berhijrah ke negara lain adalah dengan tujuan untuk maju ke hadapan atau '*to get ahead*' (Malkin, 2004) sebenarnya ingin menyediakan kehidupan yang lebih baik untuk diri mereka sendiri, anak, dan keluarga yang ditinggalkan. Dalam kata lain, semua pembuat keputusan tentang migrasi akan melakukan apa yang dikenali oleh ahli ekonomi sebagai analisis kos–faedah migrasi antarabangsa. Kebanyakan model ekonomi menekankan aspek kos dan faedah kewangan, termasuklah upah, kebarangkalian mendapat pekerjaan, kos lepas, kos pengangkutan, dan juga risiko yang terlibat.

2.3 KAJIAN EMPIRIKAL

Bahagian ini menumpukan kepada hasil kajian empirikal yang menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan migrasi dan juga impaknya kepada negara destinasi. Umumnya migrasi akan mempertingkatkan sumber tenaga kerja sesebuah ekonomi dan seterusnya meningkatkan potensi keluaran dan pertumbuhan negara. Walau bagaimanapun migrasi membawa bersama kesan sampingan yang lebih kompleks menjangkau keperluan ekonomi itu sendiri hingga berakar umbi dan sampai ke satu tahap yang sukar di kawal dan dibendung.

Secara teorinya migrasi hanya memberi manfaat yang kecil kepada kebajikan penduduk tempatan apabila lebih manfaat atau faedah besar adalah kepada buruh asing itu sendiri dalam bentuk upah. Jika diandaikan stok modal adalah tetap, migrasi akan memberi tekanan terhadap upah sebenar penduduk tempatan. Namun hakikatnya ini ditimbal balas (*off-set*) oleh faedah yang diterima oleh pemegang stok modal iaitu pengusaha atau majikan (Borjas, 1995).

Upah atau ganjaran adalah komponen utama faedah daripada migrasi. Pendapatan individu sebagai fungsi tingkat produktiviti, bergantung kepada faktor modal manusia iaitu pendidikan dan pengalaman. Kajian Elnajjar (1993) di Semenanjung Gaza mendapati migran yang berpendidikan tinggi berbanding penduduk tempatan lebih berkemungkinan untuk diambil bekerja. Selain itu, prospek pendapatan tinggi yang dikaitkan dengan guna tenaga pasaran buruh adalah faedah utama migrasi (Head, 2004). Pekerja yang mempunyai tingkat modal manusia yang tertentu dijangka mendapat pulangan pendapatan yang lebih tinggi di negara destinasi berbanding negara asal.

Tan, *et al.* (2007) dalam kajiannya tentang trend imigrasi pekerja mahir di Malaysia bagi tempoh 1998-2004 mendapati bahawa pembangunan ekonomi Malaysia merupakan faktor utama yang mempengaruhi corak imigrasi pekerja mahir. Aliran masuk imigrasi pekerja mahir dari negara jiran yang sedang membangun atau maju adalah lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan berbanding sektor lain. Hal ini mungkin disebabkan oleh kekurangan kepakaran di Malaysia, dan proses ini akan membantu pemindahan teknologi. Kajian ini juga

merumuskan bahawa pembangunan berterusan ekonomi Asia–Pasifik merupakan penyebab utama trend imigrasi pekerja mahir mengalir masuk menuju negara sedang membangun.

Kajian lepas juga menunjukkan terdapat pertambahan dalam pendapatan hasil daripada perkahwinan yang baik (*better marriage*) dan ini telah membentuk satu faktor penarik migrasi. Thadani & Todaro (1984) mengulangi Model Migrasi Todaro Klasik dengan memasukkan faedah '*better marriage*' sebagai sebab untuk migrasi dan mendapati faktor ini telah mempengaruhi keputusan untuk migrasi secara signifikan. Faktor ini mungkin menjelaskan mengapa kebanyakan migran berminat untuk berkahwin terutama dengan wanita tempatan.

Kebarangkalian mendapat pekerjaan adalah asas Model Migrasi Todaro yang menyatakan jika kadar upah adalah tinggi di negara destinasi, tetapi kebarangkalian yang rendah untuk mendapat pekerjaan akan mengurangkan perbezaan jangkaan upah. Seterusnya mempunyai rangkaian hubungan dengan migran di negara destinasi didapati boleh meningkatkan kebarangkalian mendapat pekerjaan. Kebanyakan kajian tentang motivasi migrasi antarabangsa mendapati bahawa kesediaan peluang pekerjaan adalah faktor utama selain upah yang tinggi dan peluang pembangunan kerjaya yang lebih cerah (Globerman, 1995; DeVoretz, & Iturralde, 2000).

Kajian Globerman & Shapiro (2006) terhadap mobiliti antarabangsa pekerja berpendidikan tinggi merumuskan bahawa kadar migrasi lebih besar di

negara yang mempunyai populasi yang ramai. Sebaliknya migrasi berkurangan apabila jurang geografi, bahasa pertuturan, dan agama adalah besar. Faktor ini menjelaskan mengapa negara Malaysia mempunyai majoriti buruh asing dari Indonesia yang bahasa pertuturan dan budaya adalah serumpun dengan bahasa Melayu manakala buruh dari Thailand tertumpu di negeri utara semenanjung Malaysia kerana mereka menggunakan dialek Pattani yang digunakan secara meluas di wilayah selatan Thailand juga adalah serumpun dengan bahasa Melayu dan mempunyai banyak persamaan dengan dialek negeri Kelantan

Dari aspek produktiviti, buruh asing didapati lebih cenderung untuk bekerja lebih gigih dan rajin berbanding pekerja tempatan bagi mendapat ganjaran upah yang lebih tinggi. Kajian di Tanzania menyokong hipotesis yang dibuat oleh Galor & Stark (1991) yang menyatakan jika migran itu bekerja di sektor swasta dan tidak mempunyai tanah di tempat asalnya, ia akan bekerja dengan lebih gigih dan mendapat upah yang lebih tinggi daripada penduduk asal tempat itu kerana ingin mengumpul seberapa banyak kekayaan sebelum balik ke negara asal mereka (Vijverberg & Zeager, 1994). Selain itu kajian di Zambia menunjukkan 87.5 peratus migran akan kembali semula ke tempat asal mereka setelah sekian lama bekerja di kawasan bandar (Ogura, 1991).

Selain kadar upah yang tinggi, jurang upah juga turut mempengaruhi migrasi. Migran dari Mesir ke negara-negara pengeluar minyak seperti Kuwait, Arab Saudi, dan Iraq memperoleh pendapatan tiga hingga empat kali lebih tinggi bagi pekerjaan yang sama di tempat asal mereka. Sebanyak 30 peratus daripada

pendapatan yang diterima akan di hantar pulang ke negara asal mereka (Adams, 1991).

Usaha menghalang migrasi hanya membawa kepada masalah pendatang tanpa izin. Justeru langkah negara-negara Eropah Barat menyekat kemasukan pendatang secara sah menyebabkan sebanyak 300 ribu pendatang tanpa izin diseludup setiap tahun ke Eropah Barat. Sindiket pemerdagangan manusia ini memberikan pendapatan sebanyak USD1.1 bilion kepada penyeludup-penyeludup ini (The Economist, August 1995).

Selain daripada migrasi dalaman dari luar bandar ke kawasan bandar (sektor pertanian ke sektor perindustrian), masalah migrasi lain dalam proses transformasi ekonomi ialah migrasi antarabangsa yang tinggi. Keeton & Newton (2005) dalam kajian tentang aliran migrasi terkini di Amerika Syarikat mendapati terdapat dua pandangan yang berbeza. Pandangan tarikan-permintaan (*demand-pull*), iaitu migrasi mengurangkan ketidakseimbangan merentas pasaran tenaga kerja dengan bergerak ke pasaran yang mempunyai permintaan buruh yang tinggi lalu mengurangkan jurang upah dan peluang pekerjaan antara pasaran.

Sebaliknya pandangan tolakan-penawaran atau (*supply-push*) menyatakan bahawa migrasi membentuk ketidakseimbangan pasaran tenaga kerja apabila bergerak ke magnet imigrasi tradisional dengan permintaan buruh adalah sederhana dan menyebabkan pekerja tempatan atau buruh asing yang bermastautin akan mengubah keputusan migrasi mereka. Pekerja tempatan dipercayai akan

lebih cenderung untuk menjauhi pasaran yang dijangka akan dibanjiri oleh buruh asing.

Bermula pada period antara tahun 1990 hingga 1995, ekonomi Malaysia telah bertumbuh dengan pesat sekitar 8.4 peratus setahun, lebih tinggi daripada 7.0 peratus yang dianggar (Malaysia, 1996). Perkembangan ekonomi yang pesat ini dijana hasil daripada pertumbuhan pesat sektor perindustrian. Guna tenaga sektor perindustrian ini meningkat dengan mendadak daripada 542,817 orang pada tahun 1980 kepada 2.6 juta pada tahun 2000, peningkatan sebanyak 3.4 peratus berbanding keseluruhan jumlah tenaga buruh yang hanya meningkat sebanyak 2.9 peratus (Mohd. Asri Abdullah, 1997).

Kepesatan ini menyebabkan berlaku masalah kekurangan tenaga buruh bukan sahaja dalam sektor perindustrian, tetapi juga dalam sektor pembinaan dan pertanian lain. Kejayaan ekonomi Malaysia telah menarik ramai buruh asing ke negara ini baik secara sah mahu pun tanpa izin. Terdapat lebih satu juta buruh asing di negara ini pada tahun 1991 dan ia terus meningkat dari setahun ke setahun. Daripada jumlah tersebut, 65 peratus adalah dari Indonesia, 21 peratus dari Bangladesh, tujuh peratus dari Filipina, lima peratus dari Thailand, dan dua peratus dari lain-lain negara.

Dalam tempoh 1995 hingga 2000 dianggarkan penduduk Malaysia berkembang pada kadar purata 2.3 peratus setahun manakala penduduk bukan warganegara berkembang pada kadar purata 4.3 peratus setahun. Penduduk bukan

warganegara meningkat dari sejuta pada tahun 1995 kepada 1.23 juta orang pada tahun 2000 dan dijangka meningkat kepada 1.38 juta pada tahun 2005. Penduduk bukan warganegara pula mewakili 7.6 peratus daripada penduduk dalam umur bekerja di Malaysia pada tahun 2005 (Malaysia, 2001).

Lambakan buruh asing merombak demografi penduduk tempatan dan menghambat usaha pembasmian kemiskinan dengan memperluas jurang pendapatan dalam masyarakat melalui dua cara, iaitu:

- i. kemasukan mereka akan menambah bilangan pekerja baru yang muda dan tidak mahir yang seterusnya membawa perubahan dalam struktur umur tenaga buruh, dan
- ii. kemasukan mereka secara beramai-ramai secara relatif akan merendahkan upah pekerja tidak mahir sementara upah pekerja mahir dan pulangan pemilik modal terus meningkat.

Masalah ini menyebabkan jurang perbezaan pendapatan dalam masyarakat semakin melebar. Justeru walaupun kehadiran buruh asing dilihat dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan buruh dan mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, namun kedatangan mereka juga akan menjadikan usaha mengurangkan kemiskinan terutama di bandar dan jurang perbezaan pendapatan dalam masyarakat Malaysia pada masa depan akan menjadi semakin sulit (Ishak Shari & Asan Ali Golam Hassan, 2001; Asan Ali Golam Hassan, 2004).

Anjakan peningkatan taraf pekerjaan daripada buruh asing kepada pengusaha kini berbentuk *petty traders* dalam sektor tidak formal. Fenomena *petty traders* ini wujud di kawasan sekitar Jalan Chow Kit dan Petaling Street di Kuala Lumpur sementara di Kelang, Selangor pula di sekitar kawasan *Little India*. Selain itu pekan sempadan seperti Wang Kelian dan Padang Besar di Perlis pula dikuasai oleh pengusaha dari Thailand (Asan Ali Golam Hassan, 2009b).

Selain itu mengapa sektor swasta yang intensif buruh seperti sektor pengilangan dan syarikat perladangan yang mempunyai banyak pekerja bergaji bawah RM1,000 adalah kemungkinan besar kerana kadar kenaikan gaji pekerja berpendapatan rendah (pekerja tidak mahir) berlaku pada kadar perlahan yang sebahagian besarnya disebabkan oleh lambakan pekerja asing di Malaysia (Asan Ali Golam Hassan, 2007).

Impak aliran migrasi adalah berbeza bergantung kepada keanjalan hubungan buruh asing dan pekerja tempatan sama ada pengganti atau pelengkap. Kajian oleh Idris & Rahmah (2006) terhadap tenaga kerja Malaysia bagi tahun 1985-1996 mendapati bahawa hubungan buruh asing dengan tempatan adalah lebih kepada pengganti berbanding pelengkap. Hubungan ini menggambarkan bahawa apabila kadar upah buruh asing berkurang, firma lebih cenderung untuk mengambil buruh asing untuk mengurangkan kos pengeluaran. Keanjalan penggantian yang tinggi ini paling ketara di dalam sektor perkilangan, khususnya industri berat yang mengeluarkan produk berasaskan besi. Hasil kajian juga

menunjukkan bahawa kebanjiran buruh asing mungkin mampu menutup peluang pekerjaan pekerja tempatan terutama dalam industri berat.

Walaupun buruh asing merupakan komponen penting sebagai penyumbang kepada pembangunan ekonomi tetapi kerajaan perlu memastikan pengambilan golongan ini adalah seimbang dengan keperluan. Kerajaan perlu mengambil dasar yang sesuai dan wajar untuk memelihara pekerjaan penduduk tempatan kerana sebarang perubahan dalam kadar upah buruh asing akan menggugat peluang pekerja tempatan dalam industri tertentu (Idris & Rahmah, 2006).

2.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya kajian berkaitan migrasi buruh telah banyak dijalankan di negara lain di dunia termasuk Malaysia dengan kebanyakan kajian tertumpu kepada faktor tarikan dan tolakan. Namun begitu kajian khusus berkenaan buruh asing dari Thailand masih lagi kurang dilakukan walaupun pada hakikatnya ia telah berlangsung sejak sekian lama. Selain itu ketiadaan peruntukan undang-undang atau kerjasama dua hala yang jelas antara kerajaan Malaysia dengan Thailand yang membenarkan buruh dari Thailand bekerja di negara ini turut mendorong kepada kesukaran membuktikan wujudkan buruh asing tersebut.

Kurangnya kajian yang dijalankan dalam bidang ini, ditambah dengan kesukaran mendapatkan maklum balas daripada buruh Thailand kerana masalah

komunikasi selain keengganan mereka memberi maklumat yang diperlukan turut mengekang kelancaran kajian. Kajian buruh asing dari Thailand ini dijalankan dengan menggunakan kaedah yang akan dijelaskan dalam bab seterusnya iaitu Bab 3 untuk menjawab segala persoalan kajian.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini menentukan proses penyelidikan migrasi buruh Thailand ke negeri utara semenanjung Malaysia dengan langkah utama adalah proses pengutipan data daripada sampel. Pemilihan sampel dan responden dibuat secara berhati-hati bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki untuk mencapai objektif kajian. Kaedah penyelidikan yang dipilih merujuk kepada bagaimana penyelidik mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif kajian. Beberapa perkara utama yang diutarakan dalam penulisan bab ini ialah responden kajian, reka bentuk kajian, instrumen kajian, prosedur kajian, dan analisis data.

Kajian ini menggunakan data primer yang dikutip menggunakan kaedah soal selidik dengan responden terdiri daripada buruh yang berasal dari Thailand. Data yang diperolehi akan diproses dan dikaji menggunakan kaedah analisis deskriptif iaitu frekuensi, min, sisihan piawai, dan *cross-tab*. Tumpuan kajian ini hanyalah kepada buruh dari Thailand yang bekerja di negeri-negeri utara

semenanjung Malaysia iaitu Kedah dan Perlis kerana kedua-dua buah negeri ini bersempadan dengan Thailand.

Bab ini terbahagi kepada lima bahagian dengan bahagian pertama berkenaan data dan kaedah yang digunakan dalam kajian. Bahagian kedua membincangkan tentang reka bentuk kajian yang merangkumi responden kajian, prosedur pengumpulan data dan kebolehpercayaan instrumen. Bahagian ketiga ialah instrumen kajian yang menjelaskan tentang soal selidik. Bahagian seterusnya pula akan membincangkan mengenai analisis data dan bahagian akhir adalah kesimpulan.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah secara deskriptif iaitu menggunakan set soal selidik untuk pengumpulan data kerana penyelidik bertujuan untuk meneroka sesuatu masalah. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan keterangan latar belakang, sikap, dan persepsi. Kajian ini memberi penekanan kepada penentuan sejauh mana hubungan antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah lain.

Sehubungan itu kajian ini akan mengeksploitasi data primer dengan metodologi yang menggunakan pendekatan deskriptif ke atas petunjuk-petunjuk

demografi serta faktor-faktor penyumbang kepada migrasi. Data kajian ini merangkumi tiga set soal selidik yang dirangka meliputi bahagian:

- a. maklumat demografi dan pekerjaan,
- b. faktor yang mempengaruhi mereka bekerja di Malaysia, dan
- c. cara masuk ke Malaysia.

Borang soal selidik yang diedarkan kepada responden terdiri daripada 23 item yang dijalankan secara temu bual oleh pembanci terhadap responden (Rujuk Lampiran 1).

3.2.1 Responden Kajian

Responden kajian adalah pekerja-pekerja dari negara Thailand yang masuk ke Malaysia melalui sempadan Bukit Kayu Hitam di negeri Kedah dan juga Padang Besar di negeri Perlis, sama ada menggunakan dokumen perjalanan yang sah atau pun tidak. Semua responden terdiri daripada lelaki dan perempuan dalam pelbagai peringkat umur yang dibayar upah dalam bidang pekerjaan perkhidmatan, pertanian, perindustrian, serta kegiatan ekonomi lain yang berkaitan dan ditemu bual secara rawak.

3.2.2 Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum temu bual dijalankan terhadap responden, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Pengarah Pusat Pengurusan Inovasi Penyelidikan (*RIMC*) Universiti Utara Malaysia. Seterusnya satu kajian rintis (*pilot study*) telah dijalankan bagi tujuan untuk mengenal pasti jika terdapat sebarang kekeliruan dan soalan yang bermasalah dalam item-item soal selidik. Kajian rintis juga bertujuan untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan kandungan item-item yang terdapat dalam soal selidik.

3.3 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah secara soal selidik kerana ia lebih mudah ditadbir dan dianalisis, selain menjimatkan masa untuk mencapai objektif kajian. Pembinaan item-item adalah berdasarkan kepada pendekatan inkuiri–penemuan yang diaplikasi dalam penyelidikan yang terkandung dalam sumber-sumber pengenalan dan tinjauan literatur.

3.3.1 Pecahan Kepada Bahagian-bahagian Soal Selidik

Soal selidik yang dibentuk terdiri daripada tiga bahagian iaitu maklumat demografi dan pekerjaan, faktor yang mempengaruhi mereka bekerja di

Malaysia, dan cara masuk ke Malaysia. Dalam bahagian maklumat demografi, antara soalan yang diajukan adalah berkaitan umur, jantina, agama, pendidikan, tarikh masuk ke Malaysia, kekerapan pulang ke kampung halaman di Thailand, status perkahwinan, bilangan ahli keluarga dan tanggungan, pertalian keluarga di Malaysia, dan kebolehan berbahasa.

Selain itu soal selidik tersebut juga merangkumi soalan berkaitan maklumat pekerjaan sekarang, majikan di Malaysia dan Thailand, aktiviti utama syarikat majikan, pendapatan dan perbelanjaan bulanan sebelum dan selepas bekerja di Malaysia, pendapatan yang dihantar ke Thailand, bilangan jam bekerja, serta kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh majikan.

Bahagian kedua yang berkaitan faktor kemasukan buruh Thailand ke Malaysia, soal selidik dibahagikan kepada dua iaitu faktor tolakan dan tarikan migrasi. Untuk soalan ini responden dibenarkan menjawab lebih daripada satu jawapan. Soalan ini dibentuk hasil daripada sorotan kajian lepas dan disesuaikan dengan responden iaitu buruh Thailand. Antara faktor tolakan yang dijangkakan adalah tiada pekerjaan, kekurangan peluang ekonomi atau faktor kemiskinan akibat hilang kekayaan, kestabilan politik atau sosial, dan jagaan kesihatan yang tidak baik.

Bagi faktor tarikan pula, kajian menjangkakan wujud faktor-faktor seperti peluang pekerjaan, suasana kehidupan yang lebih baik, kebebasan

politik dan agama, hiburan, peluang pendidikan, perkhidmatan kesihatan yang lebih baik atau rangkaian keluarga di Malaysia. Adalah dijangka faktor tolakan dan tarikan akan mempunyai korelasi yang saling berkaitan.

Bahagian ke tiga soal selidik ialah berkaitan cara kemasukan responden ke Malaysia. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga sub lagi iaitu cara mendapatkan kerja di Malaysia sama ada melalui surat khabar, agen, saudara-mara, atau kawan. Selain itu responden juga ditanya berkenaan urusan masuk ke Malaysia sama ada diuruskan oleh mereka sendiri atau oleh pihak lain termasuk kos dan tempoh masa urusan terlibat.

Akhir sekali soalan berkaitan dokumen kemasukan ke Malaysia sama ada menggunakan pas sempadan, passport, atau lain-lain dokumen. Pas sempadan digunakan untuk tempoh masa dan jarak perjalanan yang lebih pendek berbanding passport untuk berada di Malaysia. Soal selidik yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah seperti dalam Lampiran 1.

3.4 ANALISIS DATA

Data yang diperoleh daripada responden diproses dan dianalisis menggunakan perisian *SPSS 16.0 for Windows (Statistical Packages for Social Sciences)*. Pendekatan analisis data yang digunakan ialah secara statistik deskriptif. Kaedah analisis akan dijalankan terhadap item-item dalam setiap persoalan seperti Jadual 3.1.

Dalam kaedah analisis faktor kemasukan buruh Thailand ke Malaysia, penyelidik menggunakan *cross-tab*, yang akan menghubungkan jalinan dua faktor bagi mendapatkan hubungan kedua-dua faktor tersebut. Antara faktor-faktor yang dianalisis adalah:

- i. pendapatan dan bilangan jam bekerja mengikut sektor,
- ii. kemudahan disediakan majikan mengikut sektor pekerjaan (peratus),
- iii. faktor tolakan dari Thailand ke Malaysia mengikut sektor pekerjaan,
- iv. faktor tarikan dari Thailand ke Malaysia mengikut sektor pekerjaan,
- v. cara mendapat kerja di Malaysia mengikut dokumen kemasukan, dan
- vi. urusan masuk ke Malaysia: kos dan tempoh mengikut dokumen kemasukan.

Jadual 3.1: Bahagian-bahagian Soal Selidik

Bhg.	Item	Kaedah Analisis
A	Maklumat demografi dan pekerjaan.	Frekuensi, min, sisihan piawai, dan <i>cross-tab</i> .
B	Faktor yang mempengaruhi anda bekerja di Malaysia.	Frekuensi, min, sisihan piawai, dan <i>cross-tab</i> .
C	Cara masuk ke Malaysia.	Frekuensi, min, sisihan piawai, dan <i>cross-tab</i> .

Kaedah analisis *cross-tab* yang sama juga dilakukan terhadap responden yang tiada dokumen. Antara faktor-faktor yang analisis adalah seperti (i) demografi, (ii) tahun dan bulan kemasukan ke Malaysia, (iii) ciri-ciri pekerjaan, dan (iv) urusan masuk ke Malaysia: kos dan tempoh mengikut dokumen kemasukan.

3.5 KESIMPULAN

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data dan maklumat yang diperlukan. Seterusnya analisis deskriptif diaplikasi bagi menjawab objektif pertama. Manakala objektif dua hingga tiga dijawab dengan menggunakan kaedah *cross-tab* antara pemboleh ubah kajian seperti yang telah dijelaskan dalam Bahagian 3.4. Seterusnya laporan ini akan menjelaskan hasil kajian secara terperinci dalam Bab 4 seterusnya.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Seperti yang telah dinyatakan pada awal kajian, objektif umum adalah untuk mengenal pasti faktor kemasukan buruh asing dari Thailand yang bekerja di negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia. Manakala objektif khusus adalah untuk: (i) mengenal pasti profil demografi buruh asing Thailand; (ii) menganalisis faktor pekerjaan, pendapatan, dan majikan buruh asing; (iii) menganalisis faktor tolakan dan tarikan migrasi yang terlibat; dan (iv) mengenal pasti jenis kemasukan buruh Thailand sama ada mempunyai dokumen atau tidak.

Kajian ini dianalisis menggunakan data primer yang diperolehi daripada soal selidik terhadap buruh Thailand sebagai responden yang bekerja di utara semenanjung Malaysia iaitu Kedah dan Perlis kerana kedua-dua buah negeri bersempadan dengan Thailand. Kaedah yang digunakan adalah analisis deskriptif dan *cross-tab* bagi menjawab objektif-objektif kajian yang telah disenaraikan. Bab 4 ini akan melaporkan dapatan daripada hasil analisis data bagi menjawab semua objektif khusus yang telah disenaraikan.


Bab ini dibahagikan kepada tujuh bahagian dengan bahagian dua membincangkan profil demografi buruh Thailand. Bahagian tiga akan membincangkan berkaitan maklumat pekerjaan buruh Thailand disusuli dengan bahagian empat berkaitan faktor dan kaedah kemasukan buruh Thailand. Seterusnya bahagian lima akan menganalisis faktor kemasukan buruh Thailand iaitu hasil *cross-tab* faktor kemasukan dengan pemboleh ubah terpilih. Bahagian ke enam akan menganalisis dengan lebih terperinci tentang buruh Thailand yang masuk tanpa dokumen manakala bahagian akhir adalah kesimpulan bab ini.

4.2 PROFIL DEMOGRAFI BURUH THAILAND

Soal selidik berjaya menemui bual 108 orang responden dalam pelbagai sektor ekonomi dan pekerjaan. Analisis mendapati bilangan tenaga buruh perempuan adalah melebihi lelaki iaitu sebanyak 70.37 peratus berbanding lelaki hanya 29.63 peratus (Rajah 4.1). Bilangan perempuan yang ramai kerana kebanyakan responden yang ditemui terdiri daripada mereka yang bekerja di sektor perkhidmatan sebagai pembantu perniagaan (86.27 peratus).


Majoriti buruh Thailand yang masuk untuk bekerja di utara semenanjung Malaysia adalah beragama Islam iaitu sebanyak 93.52 peratus berbanding hanya 6.48 peratus beragama Buddha (Rajah 4.2). Peratusan beragama Islam yang ramai adalah kerana wilayah selatan Thailand memang ramai penganut Islam sejak sejarah awal wilayah selatan Thailand, tambahan pula Kedah sebagai sebuah

negeri majoriti Islam memudahkan urusan mencari kerja. Dapatan ini menyokong Kajian Globerman, S. & D. Shapiro (2006) yang mengaitkan faktor migrasi dengan agama, bahasa pertuturan, dan jurang geografi.




Rajah 4.1: Jantina (Peratus)

Status perkahwinan pula menunjukkan sebanyak 61.90 peratus telah berkahwin, 37.14 peratus masih bujang manakala 0.95 peratus adalah balu atau duda (Rajah 4.3). Peratusan ini dijangka kerana golongan yang telah berkahwin pada dasarnya mempunyai tanggungjawab yang lebih untuk menanggung keluarga mereka. Oleh itu golongan ini pasti lebih berusaha berbanding golongan bujang atau duda untuk mendapatkan pekerjaan walaupun terpaksa berhijrah ke negeri lain. Sesuai dengan kajian Sandell, S.C. (1977) yang menyatakan keputusan untuk berhijrah dalam sesebuah keluarga adalah untuk memperbaiki kedudukan ekonomi keluarga dan bukan individu (Sandell, S.C., 1977).




Rajah 4.2: Agama (Peratus)



Rajah 4.3: Status Perkahwinan (Peratus)

Dari segi kerakyatan pasangan buruh Thailand, Rajah 4.4 menunjukkan sebanyak 72.46 peratus menyatakan bahawa pasangan mereka bukan warganegara Malaysia berbanding 23.19 peratus yang mempunyai pasangan warganegara Malaysia, manakala selebihnya adalah penduduk tetap Malaysia dan lain-lain masing-masing 1.45 dan 2.90 peratus. Walaupun pada dasarnya faktor kerakyatan

penting dari segi sosial sebagai galakan dan keselesaan kepada pasangan untuk bekerja tetapi ia tidak menghalang mereka yang mempunyai pasangan bukan warganegara Malaysia turut mencari pekerjaan.



Rajah 4.4: Kerakyatan Pasangan Buruh Thailand (Peratus)

Jadual 4.1 pula menunjukkan taburan umur, tahun persekolahan, dan kekerapan pulang ke negara asal. Purata umur buruh Thailand yang masuk ke utara semenanjung Malaysia adalah 30 tahun manakala purata persekolahan adalah sembilan tahun iaitu tahap pendidikan sekolah menengah. Responden juga kerap balik ke kampung halaman mereka iaitu dengan purata 53 kali setahun. Namun sisihan piawainya adalah agak tinggi kerana terdapat juga responden yang pulang ke kampung setiap hari iaitu 365 hari setahun. Ertinya mereka hanya bekerja di Malaysia dan menetap di Thailand.

Kemahiran berbahasa merupakan nilai tambah di dalam proses migrasi, terutama bagi buruh Thailand ke utara semenanjung Malaysia. Jadual 4.2 menunjukkan semua responden boleh berbahasa Melayu dengan 51.85 peratus adalah fasih manakala 48.15 peratus lagi tidak. Peratusan tinggi ini disebabkan oleh dua perkara iaitu majoriti penduduk di Kedah dan Perlis adalah orang Melayu dan ini memerlukan mereka fasih bagi memudahkan urusan. Selain itu, bahasa atau dialek Pattani yang digunakan secara meluas di wilayah selatan Thailand juga adalah serumpun dengan bahasa Melayu dan mempunyai banyak persamaan dengan dialek negeri Kelantan sejajar dengan kajian Globerman & Shapiro (2006) yang mengaitkan keputusan migrasi dengan bahasa pertuturan.

Jadual 4.1: Profil Demografi II


Profil Demografi	Purata	Sisihan Piawai
Umur	29.87	8.72
Tahun persekolahan	8.98	3.72
Kekerapan pulang	52.70	121.30

Namun begitu tidak seorang pun responden yang fasih berbahasa Cina atau Inggeris kecuali 11.54 peratus yang boleh berbahasa Cina dan 26.32 peratus lagi boleh berbahasa Inggeris tetapi tidak fasih. Jadual 4.2 juga menunjukkan responden yang tidak tahu berbahasa Cina berjumlah 88.46 peratus dan bagi Bahasa Inggeris 73.68 peratus. Hal ini tidaklah menghairankan kerana pada dasarnya sasaran pasaran yang berurusan dengan mereka kebanyakannya terdiri daripada rakyat Malaysia sendiri.

Jadual 4.2: Kemahiran Berbahasa (Peratus)

Kemahiran Berbahasa	Melayu	Cina	Inggeris
Fasih	51.85	0.00	0.00
Tidak fasih	48.15	11.54	26.32
Tidak tahu	0.00	88.46	73.68
Jumlah	100.00	100.00	100.00


Rajah 4.5 pula menunjukkan bilangan responden yang masuk ke Malaysia mengikut bulan dengan kemasukan adalah tinggi adalah pada suku pertama setiap tahun. Bulan Februari menerima kemasukan paling ramai setinggi 23.33 peratus diikuti bilangan kedua terbesar pada bulan Januari dan Mac yang menerima kemasukan yang sama iaitu 15 peratus.



Rajah 4.5: Kemasukan Ke Malaysia Mengikut Bulan (Peratus)

Trend kemasukan adalah tinggi pada suku pertama setiap tahun mungkin disebabkan pekerja Thailand telah tamat persekolahan pada penghujung tahun dan datang ke Malaysia pada awal tahun untuk mencari pekerjaan atau untuk

memulakan kehidupan baru. Selain itu, stok barangan baru masuk pada awal tahun dan majikan memerlukan lebih ramai pekerja. Trend kemasukan juga meningkat pada pertengahan tahun Mei hingga Julai yang juga berkait dengan sebahagian lagi penduduk Thailand menamatkan tempoh belajar dan mula masuk ke pasaran kerja.



Rajah 4.6: Kemasukan Ke Malaysia Mengikut Tahun (Peratus)

Bagi kemasukan mengikut tahun pula, kajian ini mendapati kemasukan dengan jumlah yang banyak bermula pada tahun 2006 hingga 2009 dengan trend yang meningkat daripada 7.77 peratus (2006) kepada 17.48 peratus (2009). Sehingga Oktober 2010 jumlah kemasukan terus tinggi pada 11.65 peratus (Rajah 4.6). Kemasukan signifikan pada tahun 1990 (5.83 peratus) dan 2000 (4.85 peratus) dipercayai hasil pemulihan ekonomi Malaysia kesan kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku pada sesi 1986-1987 dan 1997-1998.

Manakala trend peningkatan yang bermula pada tahun 2006 hingga 2010 dengan kemasukan tertinggi dicatat pada tahun 2009 menjadi sandaran bukti empirik bahawa kemajuan ekonomi Malaysia yang bertumbuh sekitar 4.7 hingga 7.2 peratus dalam tempoh tersebut telah menjana bukan saja guna tenaga domestik tetapi juga pertumbuhan guna tenaga kerja asing terutama di kawasan sempadan semenanjung Malaysia (Malaysia, 2010).

Jadual 4.3: Tempat Asal Buruh Thailand (Peratus)

Tempat Asal	Peratus	Tempat Asal	Peratus
Pattani	25.50	Kg. Kok	0.94
Padang Besar	24.48	Kg. Lalok	0.94
Hatyai	5.66	Kg. Palas	0.94
Samnakkham	3.80	Kg. Seko	0.94
Saton	3.77	Krong Hua	0.94
Nong Chik	2.83	Ku Wing	0.94
Yala	2.83	Lamlong	0.94
Songkhla	1.90	Lipak Sanggo	0.94
Cheangmai	1.89	Nonachica	0.94
Chelun	1.89	Pangar	0.94
Muban	1.89	Pengkalan Kubur	0.94
Phattalung	1.89	Phang Nga	0.94
Ranong	1.89	Rusak Mile	0.94
Bangkok	0.94	Seba Yo	0.94
Bangor Krasak	0.94	Tak Cheh	0.94
Chaimai	0.94	Tok Jong	0.94
Gela Lembu	0.94	Trong	0.94
		Jumlah	100.00

Jadual 4.3 menunjukkan majoriti migrasi buruh dari Thailand ke Malaysia adalah dari kawasan Pattani dan Padang Besar di Thailand dengan 25.50 dan

24.48 peratus menjadikan kedua-dua wilayah tersebut penyumbang migrasi tertinggi yang mewakili 50 peratus daripada keseluruhan tempat asal buruh. Peratusan tinggi ini dipercayai kerana faktor jarak yang dekat dengan sempadan sesuai dengan Model Migrasi Ravenstein (Ravenstein, E.G., 1976) selain faktor-faktor yang telah dinyatakan di atas seperti faktor bahasa.

4.3 MAKLUMAT PEKERJAAN BURUH THAILAND

Bahagian berikut adalah menjurus kepada objektif ke dua kajian iaitu faktor pendapatan, majikan buruh asing dan pekerjaan. Jadual 4.4 menghuraikan pendapatan yang diperolehi oleh buruh Thailand yang bekerja di Kedah dan Perlis serta bilangan jam mereka bekerja sehari. Kajian mendapati mereka mampu memperolehi pendapatan purata sehingga RM745.05 sebulan apabila bekerja di Malaysia, bukan saja melebihi pendapatan purata yang diperolehi di negara asal sebanyak RM543.37 tetapi juga lebih tinggi daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK) penduduk negeri Kedah sendiri (e-Sinar, 2009).

Faktor yang membolehkan mereka memperolehi pendapatan yang tinggi adalah kerana kesanggupan bekerja lebih masa serta mengurangkan masa rehat iaitu purata masa kerja lebih 10 jam sehari. Perbezaan pendapatan yang ketara yang diperolehi berbanding negara asal merupakan dorongan penting kenapa mereka sanggup datang ke Malaysia untuk bekerja. Mereka juga mampu menghantar pulang pendapatan yang diperolehi ke negara asal dengan purata


RM335.89 sebulan setelah ditolak perbelanjaan mereka purata sebanyak RM407.68. Hampir separuh (45.08 peratus) daripada pendapatan yang diperolehi telah dibawa pulang yang merupakan satu jumlah yang cukup besar dan ini boleh menjejaskan tukaran asing jika tidak dikawal.

Namun nilai sisihan piawai agak tinggi yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4. Ini menunjukkan jeda yang agak tinggi bagi pendapatan buruh asing Thailand. Nilai ini merujuk kepada terdapat responden yang memperolehi pendapatan yang agak tinggi di Malaysia kerana kesanggupan mereka bekerja lebih masa

Jadual 4.4: Purata Pendapatan, Perbelanjaan, Dan Bilangan Jam Bekerja

	Purata	Sisihan Piawai
Di Malaysia (RM sebulan)		
Pendapatan	745.05	321.94
Perbelanjaan	407.68	287.79
Pendapatan hantar ke Thailand	335.89	183.35
Bilangan jam bekerja sehari	10.19	8.16
Sebelum Datang Malaysia		
Pendapatan (BHT1000 = RM100)	543.37	281.07

Nota: BHT = Baht Thailand



Rajah 4.7: Kemudahan Disediakan Oleh Majikan (Peratus)

Rajah 4.7 merujuk kepada kemudahan yang disediakan oleh majikan kepada pekerja. Kemudahan tempat tinggal mencatat bilangan yang paling tinggi iaitu 34.50 peratus diikuti kemudahan makanan sebanyak 32.75 peratus daripada keseluruhan. Kemudahan perubatan pula mencatat 15.79 peratus manakala lain-lain kemudahan pula mencatat sebanyak 16.96 peratus daripada keseluruhan kemudahan yang disediakan. Kemudahan perubatan yang relatif rendah memerlukan perhatian terutama insurans bagi mengelakkan kerajaan Malaysia menanggung kos perubatan rakyat asing.

Jadual 4.5 merujuk kepada taraf kerakyatan majikan dan aktiviti utama perniagaan majikan di Malaysia dan Thailand sebelum mereka datang ke Malaysia. Di Malaysia, majikan yang terdiri daripada rakyat Malaysia adalah sebanyak 86.27 peratus berbanding majikan yang bukan rakyat Malaysia sebanyak 13.73 peratus. Peratusan majikan yang bukan rakyat Malaysia yang agak tinggi ini

perlu diberi perhatian wajar kerana ia boleh memberi saingan dan menutup peluang usahawan tempatan jika tidak dikawal.

Bagi aktiviti utama majikan, daripada ketiga-tiga sektor perkhidmatan, pertanian, dan perindustrian, sektor perkhidmatan mencatat peratus keseluruhan tertinggi iaitu sebanyak 86.11 peratus dengan pecahan aktiviti pembantu perniagaan sebanyak 78.49 peratus, pembinaan (buruh binaan) sebanyak 6.45, insurans 7.53, restoran 3.23, dan lain-lain aktiviti sebanyak 4.30 peratus. Sektor pertanian pula hanya mencatatkan 3.7 peratus keseluruhan sektor dengan semua buruh terlibat dalam aktiviti menoreh getah. Bagi sektor industri pula, aktiviti pengilangan mencatatkan sebanyak 10.19 peratus.

Seterusnya taraf pekerjaan di Malaysia terdiri daripada tetap dan juga sementara. Taraf tetap dalam kajian ini bagi responden bermaksud pekerjaan untuk jangka masa yang lama, tidak bermusim, serta tidak akan menukar pekerjaan lain sekurang-kurangnya dalam jangka masa setahun. Manakala taraf sementara bermaksud pekerjaan untuk jangka masa yang singkat sementara mendapat pekerjaan lain yang bersesuaian dengan kepuasan atau faktor musim. Kedua-dua taraf pekerjaan mencatat peratusan yang sama iaitu masing-masing 48.60 peratus manakala bagi lain-lain taraf pula hanya mencatat sebanyak 2.80 peratus.

Jadual 4.5: Taraf Kerakyatan Dan Aktiviti Utama Majikan Di Malaysia Dan Thailand (Peratus)

	Malaysia	Thailand
Taraf Kerakyatan Majikan		
Rakyat Malaysia	86.27	0.00
Bukan rakyat Malaysia	13.73	100.00
Aktiviti Utama Majikan		
<i>Perkhidmatan</i>	<i>86.11</i>	<i>58.49</i>
Pembantu peniaga	78.49	58.06
Pembinaan (buruh binaan)	6.45	6.45
Insurans	7.53	9.68
Restoran	3.23	19.35
Lain-lain	4.30	6.45
<i>Pertanian</i>	<i>3.70</i>	<i>33.96</i>
Penoreh getah	100.00	55.56
Pekebun/Petani	0.00	44.44
<i>Perindustrian</i>	<i>10.19</i>	<i>7.55</i>
Kilang	100.00	100.00
Taraf Pekerja		
Tetap	48.60	17.54
Sementara	48.60	77.19
Lain-lain	2.80	5.26

Majikan di Thailand pula merujuk kepada majikan mereka sewaktu bekerja di tempat asal sebelum berhijrah ke Malaysia. Catatan menunjukkan bahawa tidak seorang pun daripada mereka pernah bekerja dengan majikan yang terdiri daripada rakyat Malaysia yang merumuskan dua kemungkinan iaitu sama ada mereka memang memilih untuk bekerja dengan rakyat Thailand sahaja atau memang tiada majikan Malaysia di Thailand khususnya di daerah responden.

Walau bagaimanapun apabila bekerja di Malaysia kebanyakan majikan mereka terdiri daripada warganegara Malaysia iaitu 86.27 peratus, manakala majikan bukan warganegara iaitu 13.73 peratus yang menunjukkan majikan asing juga memilih untuk mengupah buruh asing dari Thailand. Dapatan ini juga mendapati buruh Thailand ini tidak terlalu memilih untuk bekerja dengan majikan warganegara Malaysia kerana yang penting bagi mereka adalah pendapatan dan taraf pekerjaan.

Bilangan majikan yang terlibat di sektor perkhidmatan berbanding sektor pertanian dan perindustrian di Thailand adalah rendah berbanding di Malaysia iaitu sebanyak 58.49 peratus. Untuk melihat dengan lebih terperinci, aktiviti yang terdapat di bawah sektor perkhidmatan tersebut adalah pembantu perniagaan iaitu sebanyak 58.06 peratus, pembinaan (buruh binaan) sebanyak 6.45, insurans 9.68, restoran 19.35 dan lain-lain aktiviti 6.45 peratus.

Sektor pertanian pula mencatatkan sebanyak 33.96 peratus yang terdiri daripada penoreh getah dan pekebun atau petani dengan masing-masing 55.56 dan 44.44 peratus manakala sektor perindustrian pula mencatatkan hanya 7.55 peratus. Taraf pekerjaan di Thailand pula menunjukkan 17.54 peratus pernah bekerja tetap di Thailand sebelum mereka datang ke Malaysia berbanding 77.19 peratus bertaraf sementara dan 5.26 peratus bagi lain-lain taraf. Status taraf pekerjaan sementara adalah tertinggi dipercayai menjadi penyebab mengapa mereka berhijrah mencari pekerjaan yang lebih terjamin atau yang memberikan pendapatan yang lebih tinggi di Malaysia.

Jadual 4.6 pula merujuk kepada pekerjaan utama di Malaysia dan juga pekerjaan utama mereka sebelum berhijrah dari Thailand. Di Malaysia, pekerjaan utama dalam sektor perkhidmatan berbanding pertanian dan perindustrian mencatatkan sebanyak 86.27 peratus dengan 82.95 peratus terlibat dalam aktiviti pembantu perniagaan, 5.68 peratus pembinaan (buruh binaan), dan 7.95 peratus insurans, sementara aktiviti restoran dan lain-lain masing-masing mencatat sebanyak 1.14 dan 2.27 peratus. Sektor pertanian pula mencatatkan sebanyak 2.94 peratus dengan semua migran bekerja sebagai penoreh getah berbanding tidak seorang pun terlibat dalam aktiviti sebagai pekebun atau petani.

Jadual 4.6: Pekerjaan Utama Di Malaysia Dan Thailand (Peratus)

Pekerjaan Utama	Malaysia	Thailand
<i>Perkhidmatan</i>	86.27	66.67
Pembantu peniaga	82.95	34.21
Pembinaan (buruh binaan)	5.68	10.53
Insurans	7.95	7.89
Restoran	1.14	23.68
Lain-lain	2.27	23.68
<i>Pertanian</i>	2.94	26.32
Penoreh getah	100.00	53.33
Pekebun/Petani	0.00	46.67
<i>Perindustrian</i>	10.78	7.02
Kilang	100.00	100.00


Seterusnya dalam sektor perindustrian, migran yang terlibat dalam aktiviti pengilangan berjumlah 10.78 peratus dengan semua mereka bekerja di kilang-kilang. Bagi jenis pekerjaan utama yang diceburi di Thailand sebelum mereka

datang ke Malaysia menunjukkan sebanyak 66.67 peratus daripada mereka bekerja di sektor perkhidmatan berbanding 26.32 peratus di sektor pertanian manakala bakinya 7.02 peratus terlibat di sektor perindustrian.

Di sektor perkhidmatan, bilangan yang bekerja sebagai pembantu perniagaan adalah sebanyak 34.21 peratus, pembinaan (buruh binaan) 10.53 peratus, insurans 7.89 peratus manakala restoran dan lain-lain aktiviti masing-masing mencatat 23.68 peratus. Dalam sektor pertanian pula menunjukkan 53.33 peratus buruh bekerja sebagai penoreh getah dan bakinya 46.67 peratus bekerja sebagai pekebun atau petani. Akhir sekali sektor perindustrian menunjukkan daripada 7.02 peratus terlibat di sektor perindustrian semuanya bekerja di kilang.


4.4 FAKTOR DAN KAEDAH KEMASUKAN BURUH THAILAND

Objektif ke tiga adalah analisis terhadap faktor tolakan dan tarikan buruh Thailand datang bekerja ke Malaysia. Rajah 4.8 menunjukkan beberapa faktor tolakan di Thailand yang menyebabkan pekerja datang ke Malaysia. Faktor utama yang mendorong mereka adalah kerana ketiadaan pekerjaan iaitu sebanyak 48.98 peratus, manakala faktor kekurangan peluang ekonomi serta kemiskinan pula mencatatkan sebanyak 40.82 peratus daripada jumlah keseluruhan.



Rajah 4.8: Faktor Tolakan Dari Thailand Ke Malaysia (Peratus)

Keseluruhannya faktor ekonomi (ketiadaan pekerjaan, peluang ekonomi serta kemiskinan) menjadi faktor utama (mencecah hampir 90 peratus) mengapa buruh Thailand datang bekerja ke Malaysia berbanding faktor politik dan sosial lain yang hanya mencatat sebanyak 8.16 peratus, manakala lain-lain faktor pula adalah sebanyak 2.04 peratus daripada keseluruhan. Faktor tolakan akibat peluang ekonomi akan memberi implikasi jangka panjang kerana penghijrahan buruh Thailand untuk bekerja di Malaysia akan berterusan selagi peluang ekonomi kurang di Thailand dan dalam masa yang sama peluang ekonomi lebih banyak ditawarkan di Malaysia.




Rajah 4.9: Faktor Tarikan Dari Thailand Ke Malaysia (Peratus)

Rajah 4.9 pula merujuk kepada faktor tarikan dari Thailand untuk datang bekerja di Malaysia. Faktor utama kedatangan buruh Thailand adalah peluang pekerjaan yang terdapat di negara ini dengan mencatat bilangan peratusan tertinggi iaitu 79.31 peratus. Dapatan ini sejajar dengan dapatan kajian dalam faktor tolakan dari Thailand ke Malaysia dalam Rajah 4.8 iaitu tiada pekerjaan.

Faktor-faktor lain seperti suasana kehidupan yang lebih baik mencatat sebanyak 12.93 peratus turut menarik buruh asing untuk berhijrah. Seterusnya faktor rangkaian keluarga sebanyak 2.59 peratus manakala faktor kebebasan berpolitik dan agama turut diambil kira dengan mencatatkan sebanyak 1.72 peratus. Bagi peluang pendidikan serta perkhidmatan kesihatan yang lebih baik masing-masing mencatatkan peratusan yang sama iaitu sebanyak 0.86 peratus manakala bagi lain-lain faktor pula mencatatkan sebanyak 1.72 peratus.


Rajah 4.10 merujuk kepada cara mendapatkan kerja di Malaysia. Kaedah mendapatkan kerja melalui kawan menunjukkan catatan tertinggi dengan 58.10 peratus, diikuti melalui saudara mara yang mencatatkan peratusan kedua tertinggi (29.52 peratus) seterusnya melalui agen sebanyak 8.57 peratus berbanding secara sendiri iaitu hanya mencatat 3.81 peratus sahaja. Kaedah mendapat kerja melalui kawan mencatat peratusan tertinggi mungkin disebabkan faktor kepercayaan terhadap kawan berbanding agen. Selain itu kos mencari pekerjaan yang harus ditanggung adalah tinggi jika mendapatkan pekerjaan melalui agen.



Rajah 4.10: Cara Mendapat Kerja Di Malaysia (Peratus)

Rajah 4.11 merujuk kepada dokumen yang digunakan oleh buruh Thailand untuk masuk ke Malaysia. Majoriti golongan tersebut menggunakan pas sempadan dengan peratusan tertinggi sebanyak 54.63 peratus manakala pemegang pasport adalah sebanyak 37.04 peratus. Selain itu terdapat juga golongan tanpa sebarang dokumen yang masuk tanpa izin yang mencatatkan 8.33 peratus. Kesanggupan

mereka masuk tanpa dokumen a(tanpa izin) menggambarkan kesanggupan mereka menanggung risiko dikenakan tindakan penguatkuasaan imigresen semata-mata untuk mendapatkan pekerjaan.



Rajah 4.11: Dokumen Masuk Ke Malaysia (Peratus)

Jadual 4.7 menunjukkan urusan masuk ke Malaysia dengan sebanyak 84.26 peratus menyatakan mereka melakukan sendiri urusan kemasukan manakala selebihnya bukan dilakukan dengan sendiri iaitu sama ada oleh keluarga atau majikan yang mencatatkan sebanyak 15.74 peratus. Peratusan buruh Thailand yang melakukan sendiri urusan kemasukan yang tinggi menunjukkan urusan imigresen Malaysia adalah mudah terutama jika mereka menggunakan pas sempadan yang mudah diperolehi terutama penduduk di sempadan Malaysia-Thailand.

Jadual 4.7: Urusan Masuk Ke Malaysia

Urusan Masuk	Kos (RM)	Tempoh (Hari)	Peratus
Sendiri	500.78	46.45	84.26
Bukan sendiri	396.00	14.67	15.74
Jumlah			100.00

Hasil kajian juga mengambil kira urusan masuk ke Malaysia dari segi kos dan tempoh. Urusan masuk ke Malaysia yang melibatkan kos yang ditanggung sendiri lebih tinggi iaitu sebanyak RM500.78 berbanding kos yang ditanggung jika bukan menguruskan sendiri hanya sebanyak RM396.00. Manakala bagi tempoh urusan (hari) pula, urusan masuk ke Malaysia secara bukan sendiri lebih singkat iaitu purata 15 hari berbanding dengan urusan masuk secara sendiri iaitu purata 47 hari.

Urusan kemasukan ke Malaysia secara sendiri menjadi pilihan walaupun kos yang harus ditanggung lebih tinggi dan tempoh urusan yang lebih lama mungkin kerana ia melibatkan faktor kurang kepercayaan kepada pihak lain seperti agen untuk menguruskan selain urusan imigresen Malaysia yang mudah dan kebanyakan mereka juga sudah biasa keluar masuk untuk pulang ke kampung halaman di Thailand.

4.5 ANALISIS FAKTOR KEMASUKAN BURUH THAILAND

Bahagian ini merupakan analisis lanjutan ke atas ciri-ciri pekerjaan buruh Thailand iaitu faktor tolakan dan tarikan. Analisis lanjutan ini dilakukan mengikut

sektor pekerjaan utama buruh Thailand, iaitu sektor perkhidmatan, pertanian, dan perindustrian. Manakala bagi urusan kemasukan buruh Thailand ke Malaysia, analisis lanjutan adalah mengikut dokumen kemasukan, iaitu pas sempadan, pasport, atau tiada dokumen.

Jadual 4.8: Purata Pendapatan, Perbelanjaan, Dan Bilangan Jam Bekerja Mengikut Sektor Pekerjaan

	Keseluruhan n	Perkhidmata n	Pertania n	Perindustria n
Di Malaysia (RM sebulan)				
Pendapatan	745	705	1,000	900
Perbelanjaan	408	394	433	414
Pendapatan hantar ke Thailand	336	333	367	309
Bilangan jam bekerja sehari	10	11	7	7
Sebelum Datang Ke Malaysia				
Pendapatan (BHT1000=RM100)	543	492	767	555

Nota: BHT = Baht Thailand

Jadual 4.9: Kemudahan Disediakan Majikan Mengikut Sektor Pekerjaan (Peratus)

Kemudahan	Keseluruhan	Perkhidmatan	Pertanian	Perindustrian
Tempat tinggal	35	30	38	55
Makanan	33	38	12	15
Perubatan	16	15	38	15
Lain-lain	16	17	12	15
Jumlah	100	100	100	100

Jadual 4.8 melaporkan pendapatan dan bilangan jam bekerja buruh

Thailand mengikut sektor pekerjaan. Bagi semua sektor pekerjaan, pendapatan buruh asing sebelum datang ke Malaysia adalah lebih rendah daripada pendapatan

yang diperolehi mereka di Malaysia. Bagi sektor pertanian, pendapatan diperolehi adalah tertinggi (RM1,000.00) diikuti sektor perindustrian (RM900.00) dan sektor perkhidmatan (RM705.00). Merujuk kepada bilangan jam bekerja sehari, sektor perkhidmatan yang berpendapatan purata terendah mempunyai bilangan jam bekerja tertinggi (11 jam) berbanding dengan sektor pertanian dan perindustrian (tujuh jam).

Jadual 4.10: Faktor Tolakan Dari Thailand Ke Malaysia Mengikut Sektor Pekerjaan (Peratus)

Faktor Tolakan	Keseluruhan	Perkhidmatan	Pertanian	Perindustrian
Tiada pekerjaan	49.00	40.00	27.00	27.00
Kekurangan peluang ekonomi dan kemiskinan	41.00	51.00	73.00	73.00
Kestabilan politik dan sosial	8.00	7.40	0.00	0.00
Lain-lain	2.00	1.60	0.00	0.00
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00

Daripada perspektif faedah bukan kewangan, Jadual 4.9 memaparkan kemudahan yang disediakan oleh majikan. Kajian mendapati lebih daripada separuh buruh Thailand di sektor perindustrian diberi kemudahan tempat tinggal (55 peratus) berbanding dengan pertanian (38 peratus), dan sektor perkhidmatan (30 peratus). Manakala sektor pertanian paling banyak menawarkan kemudahan perubatan (38 peratus) berbanding dengan perindustrian (15 peratus) dan sektor pertanian (12 peratus). Sektor perkhidmatan pula menawarkan kemudahan bekalan makanan yang tertinggi (38 peratus) berbanding dengan pertanian (12 peratus) dan perindustrian (15 peratus).

Dari segi faktor tolakan, Jadual 4.10 menunjukkan ketiadaan pekerjaan di tempat asal merupakan faktor terpenting diikuti faktor kekurangan peluang ekonomi dan kemiskinan bagi semua sektor. Manakala faktor kestabilan politik atau sosial, serta lain-lain faktor merupakan faktor ketiga dan keempat. Kedua-dua sektor pertanian dan perindustrian menunjukkan bahawa migrasi adalah semata-mata disebabkan faktor ekonomi berbanding sektor perkhidmatan yang mencatatkan 7.4 peratus migrasi yang disebabkan kestabilan politik dan sosial negara asal. Keseluruhannya faktor ekonomi seperti tiada pekerjaan atau kekurangan peluang ekonomi dan kemiskinan merupakan faktor terpenting migrasi penduduk Thailand berbanding faktor lain.

Jadual 4.11: Faktor Tarikan Dari Thailand Ke Malaysia Mengikut Sektor Pekerjaan (Peratus)

Faktor Tarikan	Keseluruhan	Perkhidmatan	Pertanian	Perindustrian
Peluang pekerjaan	79.31	75.51	28.57	66.67
Suasana kehidupan lebih baik	12.93	13.27	14.29	6.67
Rangkaian keluarga	2.59	5.10	0.00	0.00
Kebebasan politik dan agama	1.72	2.04	28.57	13.33
Peluang pendidikan	0.86	1.02	14.29	6.67
Perkhidmatan kesihatan lebih baik	0.86	1.02	14.29	6.67
Lain-lain	1.72	2.04	0.00	0.00
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00

Bagi faktor tarikan, Jadual 4.11 menunjukkan bahawa faktor utama bagi ketiga-tiga sektor pekerjaan adalah peluang pekerjaan yang wujud di Malaysia manakala suasana kehidupan yang lebih baik menjadi faktor kedua terpenting. Selebihnya faktor rangkaian keluarga, kebebasan politik dan agama, peluang

pendidikan, dan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik merupakan faktor-faktor tarikan yang turut penting selepas kedua-dua faktor di atas. Hasil kajian menunjukkan faktor rangkaian keluarga bukanlah satu faktor penting yang menarik buruh Thailand untuk datang ke Malaysia terutama dalam sektor pertanian dan perindustrian apabila tiada responden mencatatkan mereka melakukan migrasi kerana faktor tersebut.

Jadual 4.12: Cara Mendapat Kerja Di Malaysia Mengikut Dokumen Kemasukan (Peratus)

Cara	Keseluruhan	Pas Sempadan	Pasport	Tiada Dokumen
Agen	8.57	8.47	10.26	0.00
Saudara-mara	29.52	23.73	30.77	0.00
Kawan	58.10	59.32	56.41	44.44
Sendiri	3.81	8.47	2.56	55.56
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00

Cara mendapat kerja di Malaysia seperti yang dipaparkan di dalam Jadual 4.12 menunjukkan faktor kawan merupakan cara paling banyak digunakan oleh buruh Thailand kecuali mereka yang masuk tanpa dokumen. Mereka yang masuk tanpa dokumen mendapat kerja di Malaysia dengan sendiri berjumlah 56 peratus manakala 44 peratus lagi mendapat pekerjaan melalui kawan.

Tiada seorang pun daripada mereka mendapat kerja di Malaysia melalui agen atau saudara-mara. Dapatan kajian ini sekali lagi menunjukkan faktor kepercayaan terhadap kawan amat penting kepada buruh Thailand untuk bekerja

ke Malaysia berbanding saudara-mara dan agen. Dalam erti kata lain, memadai dengan mempunyai kawan di Malaysia sudah membolehkan mereka mendapat pekerjaan di Malaysia.

Penghijrahan ini dijangka terus berlaku selagi terdapat buruh Thailand di Malaysia dan fenomena ini tidak akan berakhir malah akan bertambah jika tidak dibendung. Kemasukan melalui agen pula lebih mudah dibendung seperti sekatan akta pendaftaran kerana jumlah kemasukannya boleh diketahui berbanding melalui kemasukan melalui kawan. Justeru sebarang dasar yang bakal dirangka berhadapan kesukaran kerana ia melibatkan perkara yang sukar dikawal.

Jadual 4.13: Urusan Masuk Ke Malaysia Mengikut Dokumen Kemasukan

Cara	Keseluruhan	Pas Sempadan	Pasport	Tiada Dokumen
Sendiri	84.26	88.14	80.00	77.78
Bukan sendiri:				
Keluarga	15.74	1.69	7.50	22.22
Majikan	10.19	10.17	12.50	0.00
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00

Bagi buruh Thailand yang masuk ke Malaysia tanpa dokumen, majoriti mereka menguruskan kemasukan mereka sendiri (78 peratus) manakala bakinya (22 peratus) diurus oleh keluarga (Jadual 4.13). Majikan di Malaysia tidak mengurus kemasukan buruh Thailand tanpa dokumen ini. Manakala mereka yang masuk dengan pas sempadan dan pasport, majikan menguruskan kemasukan mereka adalah masing-masing 10 dan 13 peratus.

Keseluruhan dapatan menunjukkan majoriti urusan masuk ke Malaysia yang menggunakan dokumen sama ada pas sempadan atau pasport diuruskan sendiri oleh buruh terlibat berbanding diuruskan oleh pihak lain sama ada keluarga atau majikan. Hal ini mungkin disebabkan persefahaman antara kedua buah negara Malaysia dan Thailand yang memudahkan urusan keluar masuk rakyat yang bersempadan untuk melancong tetapi kemudiannya telah disalahgunakan oleh mereka untuk mencari pekerjaan.

Jadual 4.14: Urusan Masuk Ke Malaysia: Kos Dan Tempoh Mengikut Dokumen Kemasukan

Cara	Kos (RM)		Tempoh (Hari)	
	Purata	Sisihan Piawai	Purata	Sisihan Piawai
Keseluruhan				
Sendiri	501	551	46	43
Bukan sendiri	396	402	15	28
Pas Sempadan				
Sendiri	297	411	49	43
Bukan sendiri	19	27	33	50
Pasport				
Sendiri	746	627	43	45
Bukan sendiri	468	378	6	2
Tiada Dokumen				
Sendiri	1,092	348	7	<i>na</i>
Bukan sendiri	950	<i>na</i>	<i>na</i>	<i>na</i>

Nota: *na* = Tidak diperolehi

Merujuk kepada Jadual 4.14, buruh Thailand yang masuk ke Malaysia tanpa dokumen menanggung kos urusan yang paling tinggi (RM1,092.00) berbanding dengan pekerja yang masuk dengan pas sempadan dan pasport.

Namun begitu tempoh urusan tanpa dokumen adalah agak pendek iaitu hanya tujuh hari berbanding dengan 43 hari bagi pasport dan 49 hari bagi pas sempadan. Kajian juga mendapati kos dan tempoh urusan kemasukan ke Malaysia yang diurus sendiri adalah lebih tinggi berbanding dengan kemasukannya diurus oleh pihak lain bagi semua kategori sama ada kategori keseluruhan, kemasukan dengan pas sempadan, pasport mahu pun tiada dokumen.

Walaupun kos dan tempoh urusan mendapatkan dokumen lebih tinggi dan lama tetapi ramai yang memilih dengan cara tersebut mungkin kerana masalah kekurangan agen yang menguruskan dokumen kemasukan ke Malaysia, kurang kepercayaan, atau mengelakkan penipuan oleh agen terbabit. Selain itu mungkin juga disebabkan urusan kemasukan ke Malaysia adalah mudah, murah, dan tidak banyak karenah birokrasi yang memerlukan agen untuk menguruskan dokumen.

4.6 ANALISIS KEMASUKAN BURUH THAILAND TANPA DOKUMEN

Bahagian ini akan memberi tumpuan kepada buruh Thailand yang masuk ke Malaysia tanpa dokumen. Dapatan yang akan dibincangkan adalah berkaitan demografi buruh yang masuk tanpa dokumen dari segi jantina, agama, status perkahwinan, kerakyatan pasangan, diikuti analisis terhadap kemahiran bahasa, bulan (kalendar), tahun kemasukan, dan ciri-ciri pekerjaan. Analisis terhadap kumpulan ini ditumpukan kerana walaupun dari segi peratusan adalah kecil tetapi

impak kepada aliran mata wang negara adalah besar kerana ia berterusan dan sukar dikawal dalam jangka panjang. Selain itu kemasukan buruh Thailand tanpa dokumen juga dikhuatiri boleh menjejaskan keselamatan negara selain memberi imej yang kurang baik pada pandangan masyarakat dunia.

Jadual 4.15: Profil Responden Tiada Dokumen I (Peratus)

Profil	Keseluruhan	Pas Sempadan	Pasport	Tiada Dokumen
Jantina				
Lelaki	29.63	22.03	45.00	11.11
Perempuan	70.37	77.97	55.00	88.89
Agama				
Islam	93.52	100.00	85.00	88.89
Buddha	6.48	0.00	15.00	11.11
Status Perkahwinan				
Bujang	37.14	37.29	37.50	22.22
Berkahwin	61.90	59.32	60.00	66.67
Balu/duda	0.95	0.00	2.50	0.00
Kerakyatan Pasangan				
Warganegara Malaysia	23.19	10.81	23.08	100.00
Bukan warganegara Malaysia	72.46	86.49	69.23	0.00
Penduduk tetap Malaysia	1.45	0.00	3.85	0.00
Lain-lain	2.90	2.70	3.85	0.00

Berdasarkan Jadual 4.15, didapati tidak banyak perbezaan antara kumpulan yang tiada dokumen dengan profil keseluruhan responden. Kebanyakan kumpulan ini adalah perempuan, beragama Islam, berkahwin, dan semua pasangan kumpulan ini adalah warganegara Malaysia. Status pasangan warganegara Malaysia ini mungkin menjadikan mereka merasa lebih selesa dan

berkeyakinan jika berhadapan dengan pihak berkuasa Malaysia berbanding jika pasangan mereka bukan warganegara.

Jadual 4.16: Kemahiran Bahasa Bagi Responden Tiada Dokumen (Peratus)

Dokumen/Kemahiran Bahasa	Melayu	Cina	Inggeris
Keseluruhan			
Fasih	51.85	0.00	0.00
Tidak fasih	48.15	11.54	26.32
Tidak tahu	0.00	88.46	73.68
Pas Sempadan			
Fasih	61.02	0.00	0.00
Tidak fasih	38.98	5.00	9.09
Tidak tahu	0.00	95.00	90.91
Pasport			
Fasih	45.00	0.00	0.00
Tidak fasih	55.00	20.83	42.31
Tidak tahu	0.00	79.17	57.69
Tiada dokumen			
Fasih	22.22	0.00	0.00
Tidak fasih	77.78	0.00	22.22
Tidak tahu	0.00	100.00	77.78

Seterusnya Jadual 4.16 menunjukkan kebolehan berbahasa bagi kumpulan tanpa dokumen. Hampir separuh daripada mereka (48 peratus) tidak fasih berbahasa Melayu serta langsung tidak tahu berbahasa Cina (85 peratus) atau Inggeris (74 peratus). Faktor tidak fasih berbahasa Melayu ini mungkin menjadi penyebab kesukaran berurusan dengan pihak berkuasa lantas memilih untuk masuk tanpa dokumen.

Jadual 4.17: Bulan Kemasukan Buruh Thailand Ke Malaysia Tanpa Dokumen (Peratus)

Bulan	Keseluruhan	Pas Sempadan	Pasport	Tiada Dokumen
Januari	15.00	6.90	18.52	50.00
Februari	23.33	27.59	22.22	0.00
Mac	15.00	17.24	14.81	0.00
April	3.33	6.90	0.00	0.00
Mei	6.67	6.90	7.41	0.00
Jun	11.67	10.34	11.11	25.00
Julai	5.00	6.90	3.70	0.00
Ogos	3.33	0.00	7.41	0.00
September	1.67	0.00	3.70	0.00
Oktober	1.67	3.45	0.00	0.00
November	3.33	3.45	3.70	0.00
Disember	10.00	10.34	7.41	25.00
	100.00	100.00	100.00	100.00

Analisis bulan kemasukan buruh Thailand ke Malaysia tanpa dokumen dalam Jadual 4.17 menunjukkan peratus kemasukan tertinggi adalah pada tiga bulan utama iaitu Januari, Jun, dan Disember dengan Januari adalah peratusan kemasukan tertinggi. Peratusan kemasukan tertinggi ini mungkin berkait dengan jangka waktu mereka tamat persekolahan dan mula memasuki pasaran buruh ditambah dengan majikan di Malaysia yang memerlukan lebih ramai pekerja pada bulan Januari ketika stok baru sampai.

Dari segi tahun kemasukan buruh Thailand ke Malaysia tanpa dokumen pula, Jadual 4.18 pula menunjukkan kemasukan tertinggi dicatat pada tahun 2009 dengan kemasukan awal mula dikesan seawal tahun 1990 dengan trend yang

meningkat dan berterusan mulai 2007 (12.5 peratus) dan 2008 (12.5 peratus). Perkara ini jika tidak ditangani dengan serius boleh menjurus kepada permasalahan sosioekonomi yang boleh menjejaskan negara. Kegagalan mengawal kemasukan tanpa dokumen juga boleh menjejaskan pandangan masyarakat antarabangsa terhadap kelemahan penguatkuasaan imigresen Malaysia.

Jadual 4.18: Tahun Kemasukan Buruh Thailand Ke Malaysia Tanpa Dokumen (Peratus)

Tahun	Keseluruhan	Pas Sempadan	Pasport	Tiada Dokumen
1989	0.97	1.72	0.00	0.00
1990	5.83	5.17	5.41	12.50
1994	0.97	1.72	0.00	0.00
1996	0.97	1.72	0.00	0.00
1997	0.97	0.00	2.70	0.00
2000	4.85	6.90	2.70	0.00
2001	0.97	1.72	0.00	0.00
2002	0.97	0.00	2.70	0.00
2003	6.80	8.62	5.41	0.00
2004	4.85	3.45	2.70	25.00
2005	4.85	5.17	5.41	0.00
2006	7.77	10.34	5.41	0.00
2007	13.59	13.79	13.51	12.50
2008	16.50	13.79	21.62	12.50
2009	17.48	13.79	18.92	37.50
2010	11.65	12.07	13.51	0.00
	100.00	100.00	100.00	100.00

Jadual 4.19 seterusnya adalah berkaitan ciri-ciri pekerjaan yang diceburi oleh buruh Thailand tanpa dokumen. Hasil kajian mendapati semua mereka

terlibat dalam sektor perkhidmatan dengan taraf pekerjaan tetap bagi tempoh sekurang-kurangnya setahun dengan majikan warganegara Malaysia. Dari satu aspek hal ini mungkin disebabkan kadar upah rendah yang sanggup diterima menyebabkan majikan lebih berminat mengambil mereka bekerja.

Dari aspek lain ia mungkin berkaitan dengan kurangnya kawalan pihak berkuasa atau kekeliruan dari sudut tafsiran perundangan yang menyebabkan kesukaran menguatkuasakan undang-undang terhadap buruh Thailand yang masuk bekerja tanpa dokumen ke Malaysia. Semua aspek yang terlibat akhirnya akan menjurus kepada persaingan dalam pasaran buruh semakin antara buruh Thailand dengan rakyat Malaysia sendiri.

Jadual 4.19: Ciri-ciri Pekerjaan Buruh Thailand Tanpa Dokumen (Peratus)

Ciri-ciri Pekerjaan	Keseluruhan	Pas Sempadan	Pasport	Tiada Dokumen
Sektor Pekerjaan				
Perkhidmatan	86.11	89.47	78.38	100.00
Pertanian	3.70	1.75	5.41	0.00
Perindustrian	10.19	8.77	16.22	0.00
Taraf Pekerjaan				
Tetap	48.60	40.68	53.85	77.78
Sementara	48.60	54.24	46.15	22.22
Lain-lain	2.80	5.08	0.00	0.00
Majikan Di Malaysia				
Rakyat Malaysia	86.27	89.47	78.95	100.00
Bukan rakyat Malaysia	13.73	10.53	21.05	0.00

4.7 KESIMPULAN

Hasil kajian telah dibincangkan dalam tujuh bahagian dengan bahagian dua membincangkan profil demografi buruh Thailand manakala bahagian tiga membincangkan berkaitan maklumat pekerjaan buruh Thailand dan disusuli dengan bahagian empat berkaitan faktor dan kaedah kemasukan buruh Thailand. Seterusnya bahagian lima menganalisis faktor kemasukan buruh Thailand hasil *cross-tab* faktor kemasukan dengan pemboleh ubah terpilih dan bahagian ke enam menganalisis dengan lebih terperinci tentang buruh Thailand yang masuk tanpa dokumen. Hasil kajian ini akan memberi implikasi kepada dasar kerajaan yang akan dibincangkan dalam Bab 5 seterusnya.

BAB 5

RUMUSAN DAN IMPLIKASI DASAR

5.1 PENGENALAN

Kedatangan buruh asing atas keperluan ekonomi sudah berlangsung sekian lama seawal sejarah campur tangan penjajah British ke Tanah Melayu (nama asal sebelum pembentukan Malaysia pada tahun 1967) dengan kemasukan migran dari negara China dan India untuk bekerja di lombong bijih timah dan ladang getah seluruh negara. Seterusnya gelombang kedua kemasukan besar-besaran terutama dari Indonesia dalam pasca kemerdekaan pula berlangsung sekitar tahun 1990-1995 atas justifikasi anjakan ekonomi daripada asas pertanian kepada asas perindustrian.

Bagi mengekal dan meneruskan kerancangan pembangunan perindustrian serta memacu pertumbuhan pesat tersebut, kerajaan membenarkan kemasukan buruh asing secara besar-besaran. Walaupun pada awalnya kemasukan buruh asing hanyalah sementara bagi mengisi lompang penawaran pasaran buruh namun tidak semudah itu untuk menghantar mereka pulang terutama setelah negara bergantung sekian lama dengan tenaga mereka yang menawarkan upah yang

relatif rendah dan jam kerja yang lebih lama selain melibatkan kepentingan politik dan imej kerjasama serantau. Bilangan yang ramai serta upah yang rendah seterusnya menekan kadar upah menjadi lebih rendah lagi dan memberi implikasi kepada peningkatan persaingan dalam pasaran buruh tempatan. Ditambah dengan kurangnya minat penduduk tempatan untuk mengambil alih bidang yang diceburi oleh buruh asing tersebut terutama dalam sektor perladangan dan pembinaan akibat daripada ada upah yang relatif rendah, kerja berkolar biru, atau kerja-kerja sukar dan berisiko tinggi yang terdedah kepada bahaya dan kecederaan telah mengekalkan tenaga buruh asing lebih lama daripada yang dijangka.

Selain itu buruh asing juga turut menjejaskan aliran keluar mata wang negara dengan membawa pulang berbilion ringgit ke negara asal dengan jumlah yang lebih tinggi berbanding cukai pendapatan individu yang dipungut oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berjumlah RM12 bilion pada tahun 2008. Jumlah tersebut hanya membabitkan wang yang dihantar menggunakan perkhidmatan bank dan ia dipercayai lebih tinggi kerana ramai pekerja asing terutama pendatang tanpa izin membawa sendiri wang apabila pulang ke negara asal atau mengirim menerusi saudara mara dan rakan (Che Wan Badrul Alias, 2008).

Bank Negara Malaysia dalam laporan tahunan 2007 telah menganggarkan kiriman wang ke luar negara akan meningkat sehingga RM18.9 bilion pada tahun 2008. Anggaran bank pusat itu turut disokong dengan statistik terbaru Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan pada Mei 2008 yang menunjukkan RM4.5

bilion dikirim ke luar negara dalam tempoh tiga bulan, berbanding RM4.1 bilion dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya (Che Wan Badrul Alias, 2008).

Kedatangan secara besar-besaran dalam waktu yang singkat kemudiannya memberi implikasi terhadap ekonomi, sosial, dan politik tempatan terutama kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang mendedahkan mereka kepada aktiviti di luar kawalan undang-undang jika tidak mendapat kerja melalui saluran yang sah. Bilangan PATI dicampur dengan buruh asing yang berdaftar kemudiannya telah melebihi jumlah penduduk kaum India yang merupakan kumpulan etnik ketiga terbesar di Malaysia dan ini pasti memberi kesan kepada pembentukan masyarakat majmuk pelbagai etnik terhadap generasi seterusnya.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 1, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor kemasukan buruh Thailand yang bekerja dalam pelbagai sektor ekonomi di negeri-negeri utara semenanjung Malaysia. Hasil kajian ini telah dapat mencapai empat objektif khusus iaitu (1) mengenal pasti profil demografi buruh asing Thailand; (2) menganalisis faktor pekerjaan, pendapatan, dan majikan buruh asing; (3) menganalisis faktor tolakan dan tarikan migrasi yang terlibat, dan (4) mengenal pasti jenis kemasukan buruh Thailand sama ada mempunyai dokumen atau tidak.

Hasil kajian bagi profil buruh Thailand boleh dirumuskan sebagai purata umur buruh Thailand adalah 30 tahun, berasal dari daerah-daerah di selatan Thailand, telah berkahwin dengan kebanyakan pasangan bukan warganegara Malaysia dan kekerapan pulang ke tempat asal di Thailand adalah sebanyak 52 kali setahun. Sebahagian besar mereka mendapat pendidikan sekitar sembilan tahun persekolahan tetapi kurang fasih berbahasa Melayu.

Kebanyakan mereka masuk ke Malaysia pada awal tahun sekitar bulan Januari hingga Februari dengan sebahagian besar melibatkan diri dalam sektor perkhidmatan sebagai pembantu peniaga dengan majikan yang kebanyakannya terdiri daripada rakyat Malaysia. Kesanggupan berhijrah dipercayai kerana perbezaan upah yang ketara daripada hanya RM543.00 sebulan ketika bekerja di Thailand berbanding RM745.00 setelah berhijrah ke Malaysia.

Dari segi faktor tarikan dan tolakan pula, ketiadaan peluang pekerjaan dan kemiskinan dikenal pasti sebagai faktor tolakan utama sejajar dengan kewujudan peluang pekerjaan lebih banyak yang menjadi faktor tarikan utama kepada mereka untuk berhijrah ke Malaysia. Buruh Thailand yang bekerja dalam sektor pertanian mendapat upah paling tinggi manakala buruh di sektor perindustrian pula mendapat kemudahan paling tinggi terutama dari aspek tempat tinggal.

Dari segi kemasukan tanpa dokumen pula didapati profil mereka tidak jauh berbeza dengan kemasukan dengan dokumen. Apa yang menarik ialah semua mereka yang masuk tanpa dokumen mempunyai pasangan warganegara Malaysia,

dan bekerja di sektor perkhidmatan dengan majikan yang juga semua rakyat Malaysia. Kos urusan kemasukan ke Malaysia adalah lebih tinggi iaitu RM1,092.00 tetapi tempoh urusan dokumen yang paling singkat iaitu tujuh hari sahaja. Faktor kemasukan tanpa dokumen ini memberikan implikasi perundangan terutama dari sudut keselamatan dan penguatkuasaan yang seterusnya memberi pertimbangan dalam pembentukan dasar seperti yang akan dijelaskan dalam bahagian berikutnya.

5.3 IMPLIKASI DASAR

Kajian terhadap buruh asing dari Thailand masih lagi kurang dijalankan kerana ketiadaan peruntukan undang-undang atau kerjasama dua hala yang jelas antara kerajaan Malaysia dengan Thailand. Selain itu kajian juga sukar dijalankan terutama yang melibatkan buruh tanpa dokumen kerja yang enggan memberi kerjasama dan maklumat yang diperlukan. Kajian ini tertumpu kepada negeri Kedah dan Perlis yang bersempadan dengan Thailand di utara semenanjung Malaysia dengan hipotesis awal menjangkakan kedatangan buruh Thailand bukan saja didorong oleh faktor ekonomi seperti kemiskinan di negara asal atau peluang pekerjaan di tempat baru tetapi juga faktor sosial seperti hubungan kekeluargaan, perkahwinan, selain sejarah kesultanan Kedah dengan Siam (Thailand).

Kebanyakan buruh asing Thailand yang telah ditemu bual adalah golongan pekerja perempuan beragama Islam berusia sekitar 30 tahun serta yang boleh berbahasa Melayu menggunakan dialek Pattani yang mempunyai persamaan

dengan dialek di negeri Kelantan dan kelebihan ini pastinya memudahkan urusan pekerjaan. Kebanyakan buruh asing Thailand juga berpendidikan menengah dan telah berkahwin dengan majoriti pasangan masing-masing adalah dari Thailand walaupun hipotesis awal menjangkakan faktor pasangan yang mempunyai status warganegara Malaysia akan memberi kelebihan kepada keputusan untuk bekerja di Malaysia tetapi ia ternyata bukanlah seperti jangkaan.

Purata umur 30 tahun, ditambah kesanggupan menerima upah relatif rendah sekitar RM745.05 telah memberi tekanan kepada penduduk tempatan dalam reja umur yang sama kerana terpaksa bersaing dalam pasaran buruh yang sama. Kemasukan buruh Thai ke Malaysia menunjukkan trend kemasukan tertinggi pada awal tahun akan menekan upah di pasaran buruh tempatan kerana dalam tempoh tersebut, penduduk Malaysia juga dijangka mula masuk ke pasaran buruh setelah tamat persekolahan.

Walaupun berpendapatan sekitar RM745.00 namun ia lebih tinggi berbanding pendapatan di tempat asal (RM543.00), ditambah dengan kemudahan makanan dan tempat tinggal, mereka mampu menghantar pulang ke kampung di Thailand sebanyak RM336.00 setiap bulan. Suatu jumlah bocoran dalam aliran tukaran mata wang asing yang sangat besar kepada ekonomi Malaysia perlu dipantau dan dikawal. Kewujudan majikan bukan rakyat Malaysia juga perlu diberi perhatian wajar kerana ia boleh menutup peluang usahawan tempatan.

Kedatangan buruh Thailand kerana desakan ekonomi dan kemiskinan ditambah dengan kemudahan keluar masuk ke Malaysia walaupun tanpa dokumen sah adalah faktor yang saling melengkapi yang akan menjadikan masalah ini berterusan dalam jangka panjang. Faktor seperti kestabilan politik, agama, kehidupan lebih baik, atau rangkaian keluarga seperti yang dihipotesiskan pada kajian awal adalah meleset seperti jangkaan.

Proses keluar masuk Malaysia dari segi kos, masa, dan dokumen perjalanan lebih banyak diuruskan sendiri berbanding hipotesis awal yang menjangkakan terdapatnya pihak ketiga seperti agen terutama sindiket tertentu yang membawa masuk buruh asing. Kemudahan dan kelonggaran keluar masuk ini juga memberi implikasi dari segi penguatkuasaan sempadan yang dikhuatiri boleh dimanipulasi dan diambil kesempatan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Selain itu kemasukan tanpa dokumen juga jika tidak dikawal boleh menjejaskan negara dari aspek keselamatan selain imej yang tidak baik pada mata dunia.

Namun begitu menghalang kemasukan secara total tanpa persediaan menggantikan tenaga buruh asing juga boleh menyukarkan ekonomi terutama dalam bidang pekerjaan yang tidak diminati oleh rakyat tempatan terutama golongan belia seperti pekerjaan sebagai petani dan penoreh getah. Selain itu tidak dinafikan kehadiran mereka juga turut menjana ekonomi tempatan melalui aktiviti jual beli barangan keperluan harian, pengangkutan, penyewaan rumah, dan cukai yang dipungut oleh pihak berkuasa tempatan. Sebarang langkah dalam

pembentukan dasar memerlukan pertimbangan teliti dan wajar untuk mencapai situasi menang-menang

5.4 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, hasil kajian yang dibentangkan di dalam keseluruhan Bab 1 hingga Bab 5 telah mencapai objektif yang digalurkan sebagai asas motivasi kajian. Kesanggupan responden memberi kerjasama dalam temu bual adalah di luar jangkaan awal dengan mengumpul seramai 108 orang responden melebihi sasaran awal. Kajian bagaimanapun hanya tertumpu kepada golongan pekerja yang dibayar upah dan tidak mencakupi kajian terhadap majikan warganegara asing Thailand kerana kekangan masa dan kewangan. Kewujudan majikan warganegara Thailand di Malaysia dan menggajikan buruh Thailand merupakan suatu isu yang tidak harus dipandang remeh. Kajian harus dilakukan untuk melihat kesan kewujudan mereka terhadap peluang ekonomi serta saingan yang diberikan kepada peniaga tempatan. Kajian terhadap isu ini akan dapat membantu negara dalam membentuk dasar pembangunan ekonomi yang lebih komprehensif dan bersepadu yang melibatkan buruh asing di Malaysia.

RUJUKAN

- Adams, R.H. Jr. (1991). The economic uses and impact of international remittances in rural Egypt. *Economic Development and Cultural Change*. July. Vol. 39(4): 695-722.
- Amirah Amaly Syafaat. (2008) Pekerja asing bawa pulang RM9 bilion. *Utusan Malaysia*. 23 Oktober 2008.
- Asan Ali Golam Hassan. (2004). *Growth, structural change and regional inequality in Malaysia*. England: Ashgate Publishing Ltd.
- (2007). Lambakan buruh asing punca gaji bawah RM1,000? *Utusan Malaysia*. 21 April 2007.
- (2009a). Hipotesis anjakan pekerja migran: dari buruh kasar kepada pengusaha. Dlm. Ishak Yussof, Ahmad Mohd. Zain, Zainal Abidin Hashim, Nor Aini Idris & Mohd Shukri Hajinoor (pnyt). *Prosiding persidangan kebangsaan ekonomi Malaysia ke-IV 2009*. Jld 2. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi: Penerbit UKM.
- (2009b). Anjakan ekonomi buruh asing. *Utusan Malaysia*. 16 Jun 2009.
- Asan Ali Golam Hassan, Rosita Suhaimi & Fatimah Saad. (2003). Migrasi penduduk dan pembangunan. Dlm. Rahmah Ismail (pnyt). *Ekonomi pembangunan: isu sumber manusia*. Bangi: Penerbit UKM.

- Berita Harian*. (13 Ogos 2007). Laporan khas: buruh asing melebihi masyarakat India.
- Borjas, G.J. (1995). The economic benefit from migration. *The Journal of Economic Perspectives*. 9 (2): 3-22.
- Che Wan Badrul Alias. (2008) Warga asing hantar wang lebih RM15 bilion setahun. *Berita Harian*. 7 Julai 2008.
- DaVanzo, J.S. (1983). Repeat migration in the U.S.: who move back and who move on? *The Review of Economics and Statistics*. Vol. 65 (4): 552-560.
- DaVanzo, J.S. & P.A. Morrison. (1981). Return and other sequences of migration in the United States. *Demography*. 18(1): 85-101.
- DeVoretz, D. & C. Iturralde. (2000). Why do the highly skilled stay in Canada? *Policy Options*: 59-63.
- e-Sinar. (2009). Jadual pendapatan garis kemiskinan (PGK). Dicapai pada 1 Mac 2009, daripada <http://esinar.kedah.gov.my/WEBE-sinar/index.cfm>
- Elnajjar, H. (1993). Planned emigration: the Palestinian case. *International Migration Review*. 279(1): 34-50.
- Falaris, E.M. (1979). The determinants of internal migration in Peru: an economic analysis. *Economic Development and Cultural Change*. Vol.27 (2): 327-241.
- Galor, O. & O. Stark. (1991). The probability of return migration, migrants' work, effort, and migrants' performance. *Journal of Development Economics*. Elsevier. April. Vol. 35(2): 399-405.

- Gillis, M., Perkins, D.H., Roemer, M. & D.R., Snodgrass. (1992). *Economic of development. 3ed.* New York: W.W. Norton & Co.
- Globerman, S. (1995). Immigration and trade. In D.J. DeVoretz (Eds). *Diminishing returns: Canada's recent immigration policy.* Montreal: C.D. Howe & The Laurier Inst.
- Globerman, S. & D. Shapiro. (2006). The international mobility of highly educated workers among OECD countries. *Transnational Corporations, Vol. 17. No. 1 (April 2008).*
- Head, K. & J. Ries (2004). *Making Canada the destination of choice for internationally mobile resources.* Discussion Paper 14. January. Industry Canada.
- Hugo, G. (1993). Indonesian labor migration to Malaysia: trends and policy implications. *Southeast Asian Journal of Social Sciences. 21 (1):36-70.*
- Ishak Shari & Asan Ali Golam Hassan. (2001). Growth and quality of life. In Fatimah Wati Ibrahim & Norehan Abdullah (Eds). *Issues on economic growth and quality of life in Malaysia.* Sintok: Penerbit UUM.
- Idris, J. & I. Rahmah. (2006). Elasticity of substitution between foreign and local workers in the Malaysia manufacturing sector. *Pertanika Journal of Social Science and Humanity. 1491: 63-76.*
- Keeton, W.R. & G.B. Newton. (2005). Does immigration reduce imbalances among labor market or increase them. *Economic Review. 4th Quarter. 47-79.*
- Malaysia. (1996). *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000.* Percetakan Nasional. Kuala Lumpur.

- (2001). *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*. Percetakan Nasional. Kuala Lumpur.
- (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Percetakan Nasional. Kuala Lumpur.
- (2007). *Penyiasatan tenaga buruh, profil bukan warganegara*. Jabatan Perangkaan Malaysia (Edaran Terhad). Putrajaya.
- (2008). *Buletin perangkaan sosial 2008*. Jabatan Perangkaan Malaysia. Putrajaya.
- (2010). *Perangkaan penting Malaysia 2010*. Jabatan Perangkaan Malaysia. Putrajaya.
- Malkin, V. (2004). "We go to get ahead": gender and status in two Mexican migrant communities. *Latin American Perspectives*. 31:75-99.
- McCall, G. (1991). The future of migration in the pacific Asia. *International Migration Review*. 25(3): 620-624.
- Mincer, J. (1978). Family migration decisions. *Journal of Political Economy* 86: 749-773.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Johor Bahru: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Asri Abdullah. (1997). Economic growth and foreign labor in Malaysia: some socio-economic implication on the local. *Working paper national seminar on growth and quality of life in Malaysia*. 6-7 January 1997. School of Economics, Universiti Utara Malaysia.

- Ogura, M. (1991). Rural-urban migration in Zambia ties to home villages. *The Developing Economies*. Vol. 29: 145-163.
- Ravenstein, E.G. (1976). *The laws of migration*. New York: Arno Press.
- Rosen, S. (1972). Learning by experience as joint production. *The Quarterly Journal of Economics*. August. Vol. 86(3): 366-82.
- Sandell, S.C. (1977). Women and the economics of family migration. *Review of Economics and Statistics*. Vol. 59: 406-414.
- Sjaasted, L.A. (1962). The costs and returns of human migration. *Journal of Political Economy* Vol. 70: 80-93.
- Tan, C.H, Santhapparaj, A.S. & S.B. Ho. (2006). Immigration patterns of skilled workers in Malaysia: a sectoral analysis. *Malaysian Journal of Economic Studies*. 44(1).
- Todaro, M.P. (1976a). Rural-urban migration, unemployment and job probabilities: recent theoretical and empirical research. In A.J. Coale. *Economic Factors in Population Growth*. London: McMillan.
- (1976b). *Internal migration in developing country: a review of theory, evidence, methodology and research priorities*. Geneva. International Labour Office.
- (1997). *Economic development 8th Ed*. New York. Addison-Wesley.
- Thadani, V. & M.P. Todaro. (1984). *Female migration - a conceptual framework*. *Women in the cities of Asia: migration and urban adaptation*. Westview. Boulder.

The Economist. (August 1995). *The new trade in humans. (smuggling of illegal)*. Dicapai pada 1 Januari 2010, daripada <http://www.highbeam.com/doc/1G1-17110163.html>

United Nation. (2005). Report of global commission on international migration, *Population and Development Review*. 31(4): 787-798.

Usman Hj. Yaakob & Tarmiji Masron. (2007). *Isu-isu kependudukan dan migrasi di Malaysia*. Dicapai pada 1 Januari 2010, daripada <http://sssums.files.wordpress.com/2007/09/isu-isu-kependudukan-dan-migrasi-di-malaysia.pdf>.

Vijverberg, W.P.M. & L.A. Zeager. (1994). Comparing earnings profiles in urban areas of an LDC: rural-to-urban migrants vs. native workers. *Journal of Development Economics*. 45. December 1994: 177-199.

Wan Rojiah Wan Mahmud. (1995). Kajian ke atas pengambilan buruh asing dalam industri binaan di Malaysia. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.

Weiner, M. (1990) Immigration: perspectives from receiving countries. *Third World Quarterly*. 12 (1): 140-165.

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1: Soal Selidik



KAJIAN KE ATAS BURUH THAILAND KE NEGERI-NEGERI UTARA SEMENANJUNG

Tujuan bancian ini adalah untuk mengkaji bagaimana migrasi buruh dari Thailand ke negeri-negeri utara Semenanjung memberi implikasi kepada pertumbuhan ekonomi dan dasar pembangunan alternatif.

KOD

NAMA KAWASAN	:		
NAMA PEMBANCI	:		
TARIKH BANCIAN	:		
TARIKH SEMAKAN	:		

Segala Maklumat Adalah Sulit Dan Hanya Digunakan Untuk Kajian Sahaja

BAHAGIAN A: MAKLUMAT DEMOGRAFI DAN PEKERJAAN

Arahan: Tandakan (√) dan isikan tempat kosong dengan maklumat yang berkenaan

No.	MAKLUMAT DEMOGRAFI MIGRAN ASING
1.	Umur (pada Januari 2010) tahun
2.	Jantina <input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan
3.	Agama <input type="checkbox"/> Islam <input type="checkbox"/> Buddha <input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan)
4.	Pendidikan tertinggi • Kelulusan (Nyatakan)
5.	Bilangan tahun pendidikan (bermula pada umur 7 tahun) • tahun

6.	Tempat asal di Thailand <ul style="list-style-type: none"> Kampung (Nyatakan Bandar (Nyatakan Daerah (Nyatakan Lain-lain (Nyatakan 																				
7.	Tarikh mula masuk ke Malaysia untuk tujuan mencari pekerjaan Bulan (kalendar) Tahun (kalendar)																				
8.	Kekerapan pulang ke kampung halaman dalam setahun kali setahun																				
9.	Status perkahwinan <input type="checkbox"/> • Bujang <input type="checkbox"/> • Berkahwin <input type="checkbox"/> • Balu/duda <input type="checkbox"/> • Bercerai/berpisah <input type="checkbox"/> • Lain-lain (Nyatakan)																				
10.	Bilangan ahli keluarga • orang Bilangan tanggungan • orang																				
11.	Mempunyai keluarga di Malaysia <input type="checkbox"/> • Tidak <input type="checkbox"/> • Ya (Nyatakan hubungan kekeluargaan)																				
12.	Taraf kerakyatan pasangan anda <input type="checkbox"/> • Warganegara Malaysia <input type="checkbox"/> • Bukan warganegara Malaysia <input type="checkbox"/> • Penduduk tetap Malaysia <input type="checkbox"/> • Lain-lain (Nyatakan)																				
13.	Kebolehan berbahasa <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: top;"> <thead> <tr> <th></th> <th>Fasih</th> <th>Tidak fasih</th> <th>Tidak tahu</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>• Bahasa Melayu</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>• Bahasa Cina</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>• Bahasa Inggeris</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>• Lain-lain</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> (Nyatakan)		Fasih	Tidak fasih	Tidak tahu	• Bahasa Melayu				• Bahasa Cina				• Bahasa Inggeris				• Lain-lain			
	Fasih	Tidak fasih	Tidak tahu																		
• Bahasa Melayu																					
• Bahasa Cina																					
• Bahasa Inggeris																					
• Lain-lain																					
No.	MAKLUMAT PEKERJAAN																				
14.	Maklumat pekerjaan sekarang <ul style="list-style-type: none"> Majikan di Malaysia <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Majikan rakyat Malaysia <input type="checkbox"/> Majikan bukan rakyat Malaysia <input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan kerakyatan majikan Aktiviti utama syarikat majikan anda <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Perkhidmatan (Nyatakan <input type="checkbox"/> Pertanian (Nyatakan <input type="checkbox"/> Perindustrian (Nyatakan <input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan <p><i>Contoh: Restoran, rumah persendirian (kerja pembantu rumah), sawah padi, getah, kilang elektronik etc.</i></p> Taraf pekerjaan anda <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Tetap <input type="checkbox"/> Sementara <input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan 																				

15.	<p>Maklumat pekerjaan dahulu Majikan di Thailand</p> <p><input type="text"/> Kerakyatan majikan di Thailand (Nyatakan)</p> <p>Aktiviti utama syarikat majikan di Thailand</p> <table border="0"> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Perkhidmatan (Nyatakan)</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Pertanian (Nyatakan)</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Perindustrian (Nyatakan)</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Lain-lain (Nyatakan)</td></tr> </table> <p><i>Contoh: Restoran, rumah persendirian (kerja pembantu rumah) , sawah padi, getah, kilang elektronik etc.</i></p> <p>Taraf pekerjaan anda di Thailand</p> <table border="0"> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Tetap</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Sementara</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Lain-lain (Nyatakan)</td></tr> </table>	<input type="text"/>	• Perkhidmatan (Nyatakan)	<input type="text"/>	• Pertanian (Nyatakan)	<input type="text"/>	• Perindustrian (Nyatakan)	<input type="text"/>	• Lain-lain (Nyatakan)	<input type="text"/>	• Tetap	<input type="text"/>	• Sementara	<input type="text"/>	• Lain-lain (Nyatakan)		
<input type="text"/>	• Perkhidmatan (Nyatakan)																
<input type="text"/>	• Pertanian (Nyatakan)																
<input type="text"/>	• Perindustrian (Nyatakan)																
<input type="text"/>	• Lain-lain (Nyatakan)																
<input type="text"/>	• Tetap																
<input type="text"/>	• Sementara																
<input type="text"/>	• Lain-lain (Nyatakan)																
16.	<p>Jenis pekerjaan utama anda di Malaysia</p> <table border="0"> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Perkhidmatan (Nyatakan)</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Pertanian (Nyatakan)</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Perindustrian (Nyatakan)</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Lain-lain (Nyatakan)</td></tr> </table> <p><i>Contoh: Pembantu restoran, pembantu rumah, sawah padi, getah, kilang elektronik etc.</i></p> <p>Jenis pekerjaan utama anda di Thailand sebelum datang ke Malaysia</p> <table border="0"> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Perkhidmatan (Nyatakan)</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Pertanian (Nyatakan)</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Perindustrian (Nyatakan)</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Lain-lain (Nyatakan)</td></tr> </table> <p><i>Contoh: Pembantu restoran, pembantu rumah, sawah padi, getah, kilang elektronik etc.</i></p>	<input type="text"/>	• Perkhidmatan (Nyatakan)	<input type="text"/>	• Pertanian (Nyatakan)	<input type="text"/>	• Perindustrian (Nyatakan)	<input type="text"/>	• Lain-lain (Nyatakan)	<input type="text"/>	• Perkhidmatan (Nyatakan)	<input type="text"/>	• Pertanian (Nyatakan)	<input type="text"/>	• Perindustrian (Nyatakan)	<input type="text"/>	• Lain-lain (Nyatakan)
<input type="text"/>	• Perkhidmatan (Nyatakan)																
<input type="text"/>	• Pertanian (Nyatakan)																
<input type="text"/>	• Perindustrian (Nyatakan)																
<input type="text"/>	• Lain-lain (Nyatakan)																
<input type="text"/>	• Perkhidmatan (Nyatakan)																
<input type="text"/>	• Pertanian (Nyatakan)																
<input type="text"/>	• Perindustrian (Nyatakan)																
<input type="text"/>	• Lain-lain (Nyatakan)																
17.	<p>Pendapatan bulanan sekarang di Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM sebulan <p>Perbelanjaan bulanan sekarang di Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM sebulan <p>Pendapatan yang dihantar ke Thailand</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM sebulan <p>Pendapatan bulanan sebelum datang ke Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> • BHT sebulan 																
18.	<p>Bilangan jam bekerja seminggu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jam seminggu 																
19.	<p>Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh majikan?</p> <table border="0"> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Tempat tinggal</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Makanan</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Perubatan</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Pengangkutan</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Lain-lain (Nyatakan)</td></tr> </table>	<input type="text"/>	• Tempat tinggal	<input type="text"/>	• Makanan	<input type="text"/>	• Perubatan	<input type="text"/>	• Pengangkutan	<input type="text"/>	• Lain-lain (Nyatakan)						
<input type="text"/>	• Tempat tinggal																
<input type="text"/>	• Makanan																
<input type="text"/>	• Perubatan																
<input type="text"/>	• Pengangkutan																
<input type="text"/>	• Lain-lain (Nyatakan)																

BAHAGIAN B: FAKTOR yang mempengaruhi anda bekerja di Malaysia

Arahan: Tandakan (√) pada maklumat yang berkenaan. Anda boleh memberi lebih daripada satu jawapan

No.	FAKTOR TOLAKAN DAN TARIKAN										
1.	<p>Sebab meninggalkan kampung halaman di Thailand</p> <table border="0"> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Tiada pekerjaan</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Kekurangan peluang ekonomi/kemiskinan</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Hilang kekayaan</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Kestabilan politik/sosial</td></tr> <tr><td><input type="text"/></td><td>• Jagaan kesihatan yang tidak baik</td></tr> </table>	<input type="text"/>	• Tiada pekerjaan	<input type="text"/>	• Kekurangan peluang ekonomi/kemiskinan	<input type="text"/>	• Hilang kekayaan	<input type="text"/>	• Kestabilan politik/sosial	<input type="text"/>	• Jagaan kesihatan yang tidak baik
<input type="text"/>	• Tiada pekerjaan										
<input type="text"/>	• Kekurangan peluang ekonomi/kemiskinan										
<input type="text"/>	• Hilang kekayaan										
<input type="text"/>	• Kestabilan politik/sosial										
<input type="text"/>	• Jagaan kesihatan yang tidak baik										

<input type="checkbox"/>	• Bencana alam
<input type="checkbox"/>	• Lain-lain (Nyatakan)
Sebab datang bekerja di Malaysia	
<input type="checkbox"/>	• Peluang pekerjaan
<input type="checkbox"/>	• Suasana kehidupan yang lebih baik
<input type="checkbox"/>	• Kebebasan politik dan agama
<input type="checkbox"/>	• Hiburan
<input type="checkbox"/>	• Peluang pendidikan
<input type="checkbox"/>	• Perkhidmatan kesihatan yang lebih baik
<input type="checkbox"/>	• Rangkaian keluarga
<input type="checkbox"/>	• Rangkaian kawan
<input type="checkbox"/>	• Peluang berkahwin lebih baik
<input type="checkbox"/>	• Lain-lain (Nyatakan)

BAHAGIAN C: CARA MASUK KE MALAYSIA

Arahan: Tandakan (√) dan isikan tempat kosong pada maklumat yang berkenaan

No.	CARA MASUK KE MALAYSIA
1.	<p>Cara mendapatkan kerja di Malaysia</p> <input type="checkbox"/> • Surat khabar <input type="checkbox"/> • Agen <input type="checkbox"/> • Saudara-mara <input type="checkbox"/> • Kawan <input type="checkbox"/> • Lain-lain (Nyatakan)
2.	<p>Urusan masuk ke Malaysia diuruskan oleh sendiri?</p> <input type="checkbox"/> Ya, sendiri • Kos urusan RM • Tempoh masa urusan hari <input type="checkbox"/> Tidak, bukan sendiri • Pihak yang urus (Nyatakan) • Kos urusan RM • Tempoh masa urusan hari
3.	<p>Dokumen masuk ke Malaysia</p> <input type="checkbox"/> • Pas sempadan <input type="checkbox"/> • Pasport <input type="checkbox"/> • Lain-lain (Nyatakan)

TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA YANG DIBERIKAN